Pertumbuhan kukuh yang dicatatkan oleh **Pulau Pinang** pada paras 6.8 peratus (2020: -2.1%) dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan berkembang 2.1 peratus (2020: -5.6%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, kewangan & insurans dan maklumat & komunikasi. Selain itu, pertumbuhan mampan daripada produk elektrik, elektronik & optikal melonjakkan sektor Pembuatan negeri ini kepada 12.4 peratus berbanding 2.8 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Pembinaan juga mencatatkan peningkatan 12.9 peratus (2020: -15.5%) dipacu oleh subsektor bangunan bukan kediaman.

Ekonomi **Perak** meningkat 3.5 peratus berbanding penguncupan 2.4 peratus pada tahun 2020. Pertumbuhan 2.4 peratus (2020: -4.0%) yang dicatatkan oleh sektor

Perkhidmatan disumbangkan oleh peningkatan dalam subsektor utiliti, perdagangan borong & runcit dan maklumat & komunikasi. Sektor Pembuatan mengukuh sebanyak 9.2 peratus (2020: 3.5%) disokong oleh subsektor produk elektrik, elektronik & optikal serta produk petroleum, kimia, getah & plastik. Begitu juga, sektor Pertanian yang berkembang sebanyak 3.1 peratus (2020: 1.0%) didorong oleh peningkatan dalam aktiviti kelapa sawit, sayur-sayuran, buah-buahan dan ternakan.

Perlis bertumbuh 1.5 peratus (2020: -6.0%) disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pertanian. Pertumbuhan sektor Perkhidmatan sebanyak 2.3 peratus (2020: -1.2%) diterajui oleh perkhidmatan kerajaan, subsektor perdagangan borong & runcit dan komunikasi. Sektor Pembuatan meningkat sebanyak 5.4 peratus (2020: -5.6%) disokong oleh pertumbuhan positif dalam subsektor prosesan makanan dan produk mineral bukan logam. Namun begitu, sektor Pertanian merosot kepada negatif 6.0 peratus (2020: -18.5%) dipengaruhi oleh penurunan dalam subsektor tanaman dan perikanan.

Prestasi **Selangor** kembali pulih pada tahun 2021 apabila melonjak kepada 5.0 peratus berbanding penguncupan 5.2 peratus pada tahun sebelumnya dan kekal sebagai penyumbang terbesar ekonomi di Malaysia. Sektor Perkhidmatan berkembang sebanyak 2.2 peratus (2020: -6.6%) didorong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, kewangan & insurans, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi. Sektor Pembuatan mengukuh kepada 13.1 peratus (2020: -0.7%) dipacu oleh lonjakan daripada produk elektrik, elektronik & optikal serta produk petroleum, kimia, getah & plastik. Pertumbuhan positif daripada subsektor tanaman, ternakan dan perikanan pula mendorong kenaikan sektor Pertanian dengan mencatatkan pertumbuhan lebih baik pada



Pertumbuhan mampan daripada produk elektrik, elektronik & optikal melonjakkan sektor Pembuatan Pulau Pinang kepada **12.4%**



Subsektor utiliti dan maklumat & komunikasi di Selangor kekal merekodkan pertumbuhan positif pada tahun 2021

kadar 4.9 peratus (2020: 0.3%). Walau bagaimanapun, sektor Pembinaan menyusut sebanyak 6.6 peratus (2020: -9.7%) dipengaruhi oleh penurunan dalam subsektor kejuruteraan awam dan pembinaan bangunan.

Terengganu berkembang pada kadar 3.6 peratus (2020: -5.7%) didorong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan bertumbuh sebanyak 1.2 peratus (2020: -3.4%) seiring dengan pemulihan oleh subsektor perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan perkhidmatan kerajaan. Namun begitu, penurunan dalam subsektor utiliti memperlambatkan prestasi sektor Perkhidmatan Terengganu. Seterusnya, sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 9.5 peratus berbanding penyusutan 9.4 peratus pada tahun 2020 dipacu oleh produk petroleum, kimia, getah & plastik. Sebaliknya, sektor Pertanian di Terengganu menyusut 5.3 peratus (2020: -3.7%) dipengaruhi oleh kemerosotan dalam subsektor kelapa sawit dan getah.

Pemulihan KDNK **Sabah** yang bertumbuh positif 1.1 peratus berbanding penurunan 9.2 peratus didorong oleh peningkatan dalam sektor Perkhidmatan dan Perlombongan & pengkuarian. Pertumbuhan 1.8 peratus

(2020: -7.3%) yang dicatatkan oleh sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan utiliti. Lonjakan daripada aktiviti gas asli telah mendorong kenaikan sektor Perlombongan & pengkuarian dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.4 peratus (2020: -12.3%). Namun begitu, sektor Pertanian yang merupakan penyumbang ketiga ekonomi Sabah mencatatkan penyusutan sebanyak 2.4 peratus (2020: -6.7%) dipengaruhi oleh kemerosotan pengeluaran buah tandan segar.

Sarawak berkembang sebanyak 2.9 peratus pada tahun 2021 (2020: -6.8%). Sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 2.1 peratus (2020: -5.5%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan utiliti. Peningkatan produk petroleum, kimia, getah & plastik menyumbang kepada pertumbuhan kukuh 11.2 peratus (2020: -8.6%) terhadap sektor Pembuatan. Walau bagaimanapun, sektor Perlombongan & pengkuarian menyusut sebanyak 3.3 peratus (2020: -4.7%) berikutan kejatuhan dalam pengeluaran gas asli, minyak mentah dan kondensat. Pada masa sama, sektor Pertanian turut mencatatkan penurunan kepada negatif 3.2 peratus (2020: -10.1%) dipengaruhi oleh penyusutan pengeluaran kelapa sawit dan tanaman lain serta aktiviti perhutanan & pembalakan.

Pertumbuhan marginal 0.8 peratus (2020: -7.4%) **W.P. Kuala Lumpur** didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan. Sektor ini meningkat kepada 1.6 peratus (2020: -5.8%) disumbangkan oleh peningkatan dalam subsektor perdagangan borong & runcit, kewangan & insurans dan maklumat & komunikasi. Namun, sektor Pembinaan merosot kepada negatif 12.1 peratus (2020: -26.4%) dipengaruhi oleh nilai kerja pembinaan yang lebih rendah bagi segmen pembinaan bangunan dan kejuruteraan awam.

W.P. Labuan bertumbuh 0.5 peratus berbanding penyusutan sebanyak 0.4 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan yang mendominasi ekonomi W.P. Labuan merekodkan pertumbuhan lebih baik pada kadar 1.5 peratus berbanding 0.1 peratus pada tahun sebelumnya didorong oleh subsektor kewangan & insurans. Sektor Pertanian meningkat 1.3 peratus berbanding penurunan 13.6 peratus pada tahun 2020 seiring pemulihan daripada aktiviti perikanan. Sebaliknya, sektor Pembuatan menyusut 1.0 peratus (2020: -1.2%) dipengaruhi oleh subsektor bahan kimia & produk kimia.

Struktur ekonomi mengikut negeri

Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan mendominasi ekonomi Malaysia dengan jumlah sumbangan sebanyak 81.4 peratus. Penyumbang utama bagi kedua-dua sektor ini dapat dilihat di Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, Melaka, Kedah dan Johor seperti ditunjukkan pada **Carta 1.25**. Kepelbagaian penumpuan dapat dilihat dalam komposisi aktiviti ekonomi bagi setiap negeri. Struktur ekonomi W.P. Kuala Lumpur ditunjangi oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 90.0 peratus diikuti W.P. Labuan (78.5%), Perlis (70.2%), Kelantan (69.2%) dan Perak (61.4%). Sementara itu, sektor Pertanian mempunyai sumbangan yang penting di Kelantan (22.8%), Pahang (23.5%) dan Perlis (17.4%). Sarawak dan Sabah pula merupakan negeri yang menyumbang kepada sektor Perlombongan & pengkuarian.



KDNK per kapita

Dari perspektif KDNK per kapita, semua negeri merekodkan peningkatan berbanding pada tahun sebelumnya. KDNK per kapita Malaysia meningkat sebanyak RM3,737 iaitu daripada RM43,702 pada tahun 2020 kepada RM47,439 pada tahun 2021 (**Jadual 1.4**).

Lima negeri melepasi paras nasional iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM111,292), W.P. Labuan (RM81,345), Sarawak (RM65,971), Pulau Pinang (RM59,685) dan Selangor (RM51,930).

5 negeri

melepasi paras KDNK per kapita nasional pada tahun 2021

Jadual 1.4 KDNK per kapita mengikut negeri, 2020-2021 pada harga semasa (RM)

Negeri	2020	2021
W.P. Kuala Lumpur*	108,791	111,292
W.P. Labuan	80,393	81,345
Sarawak	55,931	65,971
Pulau Pinang	55,774	59,685
Selangor	48,607	51,930
Melaka	42,861	44,610
Negeri Sembilan	41,254	44,495
Pahang	38,010	41,313
Johor	33,856	36,474
Perak	31,626	34,338
Terengganu	29,462	30,901
Sabah	24,652	29,960
Kedah	22,693	23,575
Perlis	21,099	21,508
Kelantan	14,951	15,584
MALAYSIA	43,702	47,439

*Termasuk W.P. Putrajaya


Jadual 1.5 Perubahan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi (%), 2021

NEGERI	 PERTANIAN	 PERLOMBONGAN & PENGKUARIAN	 PEMBINAAN	 PEMBUATAN	 PERKHIDMATAN	 DUTI IMPORT	 KDNK 2021
Pulau Pinang	-2.4	-4.1	12.9	12.4	2.1	-5.8	6.8
Selangor	4.9	-3.0	-6.6	13.1	2.2	8.6	5.0
Terengganu	-5.3	3.5	2.5	9.5	1.2	-47.9	3.6
Perak	3.1	-3.4	-6.7	9.2	2.4	-32.0	3.5
Kedah	2.6	-4.5	-8.4	6.2	1.9	30.8	3.2
MALAYSIA	-0.2	0.3	-5.2	9.5	1.9	1.7	3.1
Negeri Sembilan	-0.4	-3.4	-0.3	7.2	2.0	-29.5	3.0
Sarawak	-3.2	-3.3	10.2	11.2	2.1	-8.4	2.9
Johor	0.6	-7.5	-18.0	5.5	2.6	-4.5	2.4
Kelantan	1.0	5.1	1.2	2.1	2.7	39.8	2.4
Melaka	-0.6	-4.4	-9.5	3.3	2.3	-43.1	2.0
Perlis	-6.0	-2.3	0.2	5.4	2.3	89.0	1.5
Sabah	-2.4	2.4	7.9	-1.8	1.8	-11.1	1.1
Pahang	-0.1	-13.5	18.5	6.1	-1.4	-32.5	0.9
WPKL*	..	-3.1	-12.1	4.3	1.6	1.0	0.8
W.P. Labuan	1.3	..	-11.8	-1.0	1.5	-41.3	0.5
SUPRA	..	2.2	..	..	..	..	2.2

* Termasuk W.P. Putrajaya
 .. Tidak berkenaan

Carta 1.25 Sumbangan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi (%), 2021

Sumbangan peratusan



• **PRESTASI EKONOMI SABAH**

• **SOSIOEKONOMI SABAH 2021**

• **PRESTASI EKONOMI SABAH 2021**

• **PRESTASI MENGIKUT SEKTOR**

- **SEKTOR PERTANIAN**
- **SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN**
- **SEKTOR PEMBINAAN**
- **SEKTOR PEMBUATAN**
- **SEKTOR PERKHIDMATAN**
 - Perdagangan borong dan runcit
 - Perkhidmatan maklumat dan komunikasi
 - Pengangkutan dan penyimpanan
 - Penginapan dan makanan & minuman
 - Perkhidmatan perniagaan
 - Perkhidmatan kesihatan swasta
 - Perkhidmatan pendidikan swasta
 - Perkhidmatan kerajaan

• **KADAR VAKSINASI 2021**

• **PAKEJ RANGSANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI**

• **PAKEJ RANGSANGAN BANTUAN DAN INSENTIF KERAJAAN NEGERI, 2020-2022**

• **INDEKS HARGA PENGGUNA**

• **RENCANA 2 : INDUSTRI KELAPA SAWIT DI NEGERI SABAH, HALA TUJU PASCA COVID-19**





SOSIOEKONOMI SABAH 2021

KDNK:

RM78.7 bilion

1.1%



PERKHIDMATAN

RM37.2 b

1.8%



47.3%



PERLOMBONGAN
& PENGKUARIAN

RM20.4 b

2.4%



26.0%



PERTANIAN

RM12.5 b

-2.4%



15.9%



PEMBUATAN

RM5.9 b

-1.8%



7.5%



PEMBINAAN

RM2.4 b

7.9%



3.0%

PETUNJUK
 Pertumbuhan
 Sumbangan kepada KDNK
 b Bilion



INDEKS HARGA PENGGUNA** **1.6%**



DEMOGRAFI SOSIAL



KELUASAN KAWASAN **73,621 km²**



JUMLAH PENDUDUK

3.41 juta

52.1%

47.9%



KADAR KESUBURAN
JUMLAH* **1.3**

Bagi setiap perempuan berumur
15 hingga 49 tahun



JANGKAAN HAYAT**

Ketika lahir (tahun)

72.4

76.7



PENDUDUK BEKERJA

1.9 juta



KADAR PENYERTAAN
TENAGA BURUH

70.4%



KADAR PENGANGGURAN

8.2%



STATISTIK PERDAGANGAN

JUMLAH PERDAGANGAN **RM42.5 bilion**

EKSPORT BARANGAN

RM34.3 bilion

EKSPORT BARANGAN UTAMA

Minyak kelapa sawit

RM16.9 bilion

IMPORT BARANGAN

RM8.2 bilion

IMPORT BARANGAN UTAMA

Baja, dikilangkan

RM1.2 bilion



STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

BILANGAN PELAWAT DOMESTIK **3.8 juta**

LIMA DESTINASI TUMPUAN UTAMA



Imago
Shopping Mall




One Borneo
Hypermall



Pasar Tanjung
Tawau



Karamunsing
Shopping Mall



Sutera Harbour
Golf & Country
Club



PENDAPATAN PBT*

1 Dewan Bandaraya Kota Kinabalu RM146.4 juta

2 Majlis Perbandaran Sandakan RM65.5 juta

3 Majlis Perbandaran Tawau RM50.5 juta

Nota: KDNK: Keluaran Dalam Negeri Kasar
PBT: Pihak Berkuasa Tempatan
*Data tahun 2020
**Termasuk W.P. Labuan

1.1%

Pertumbuhan
ekonomi
Sabah

**RM78.7
billion**

Nilai **KDNK** pada
tahun **2021**

PRESTASI EKONOMI SABAH

2021

Tahun 2021 merupakan tahun yang mencabar bagi Sabah selepas mengalami kemelesetan ekonomi pada tahun sebelumnya. Kerajaan Negeri telah merangka Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya (Pelan SMJ) 2021-2025 sebagai satu usaha bagi menangani penyusutan pertumbuhan dalam kebanyakan sektor serta mencari sumber baharu untuk memperkukuh serta meningkatkan hasil negeri. Pelan tersebut dijangka dapat berfungsi sebagai panduan hala tuju dasar dan program kerajaan, seterusnya memandu arah pelaksanaan secara terancang dan strategik, untuk mencapai sasaran dan matlamat yang bertepatan dengan keperluan pembangunan negeri. Ekonomi Sabah dipengaruhi oleh industri eksport komoditi utama seperti petroleum, minyak sawit dan koko.

Pada tahun 2021, KDNK negeri Sabah telah mencatatkan RM78.7 bilion berbanding RM77.8 bilion pada tahun sebelumnya. Dari segi pertumbuhan, ia meningkat sebanyak 1.1 peratus berbanding tahun 2020 (**Carta 2.1**).

Dari sudut sumbangan, sektor Perkhidmatan kekal menjadi penyumbang utama kepada ekonomi Sabah dengan sumbangan 47.3 peratus, diikuti sektor Perlombongan & pengkuarian yang menyumbang sebanyak 26.0 peratus. Sumbangan sektor Pertanian pula adalah sebanyak 15.9 peratus manakala sektor Pembuatan dan sektor Pembinaan masing-masing merekodkan sumbangan 7.5 peratus dan 3.0 peratus (**Carta 2.2**).

Sektor Perkhidmatan merekodkan pertumbuhan 1.8 peratus (2020: -7.3%) dengan peningkatan dalam nilai ditambah kepada RM37.2 bilion berbanding RM36.5 bilion pada tahun sebelum (**Carta 2.3**). Prestasi sektor ini disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit. Dalam usaha mengembangkan sektor Perkhidmatan, kerajaan negeri telah mengambil inisiatif dengan memperuntukkan dana sebanyak RM227.97 juta

kepada Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KePKAS) Sabah beserta jabatan dan agensi di bawahnya untuk merancakkan semula industri pelancongan sekaligus merangsang industri-industri yang berkaitan. Melalui dana yang diperuntukkan ini, pelbagai program khususnya aktiviti selam scuba serta pembangunan pelancongan giat diadakan sebagai langkah untuk mengembalikan industri pelancongan di landasan yang disasarkan oleh Kerajaan Negeri. Ini kerana industri berasaskan pelancongan merupakan salah satu pemangkin kepada sebahagian besar sektor Perkhidmatan Sabah dan dilihat berpotensi untuk terus berkembang maju.

Sektor Perlombongan & pengkuarian meningkat 2.4 peratus berbanding penurunan 12.3 peratus pada tahun 2020. Jumlah nilai ditambah sektor ini turut mencatatkan peningkatan daripada RM19.9 bilion kepada RM20.4 bilion yang disokong oleh lonjakan daripada aktiviti gas asli yang bertumbuh 44.6 peratus (2020: -25.7%). Namun, minyak mentah dan kondensat mencatatkan penyusutan yang lebih kecil berbanding tahun sebelumnya.

Sektor Pertanian menyusut 2.4 peratus berbanding negatif 6.7 peratus pada tahun sebelumnya dan merekodkan nilai ditambah berjumlah RM12.5 bilion. Penyusutan ini dipengaruhi oleh penguncupan dalam subsektor tanaman. Sebagai inisiatif masa hadapan, kerajaan negeri menyalurkan RM560.39 juta kepada sektor ini. Kementerian Pertanian dan Perikanan (MAF) akan terus fokus kepada pengeluaran tanaman, pensijilan ladang, penyelidikan & inovasi pertanian, penguatkuasaan kuarantin dan pemerkasaan usahawan tani dengan peruntukan sebanyak RM72.35 juta untuk perbelanjaan perbekalan bagi tujuan ini.


Sementara itu, sektor Pembuatan pulih kepada negatif 1.8 peratus (2020: -6.6%) dengan nilai ditambah berjumlah RM5.9 bilion. Penyusutan dalam sektor ini disebabkan oleh penguncupan dalam subsektor pembuatan minyak sawit mentah dan minyak sawit bertapis bagi kumpulan subsektor minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan. Penurunan ini adalah selari dengan penyusutan dalam pengeluaran komoditi kelapa sawit sebanyak negatif 4.6 peratus.

Carta 2.1

Nilai dan kadar pertumbuhan KDNK Sabah, 2015-2021

**Carta 2.2**


Nilai ditambah dan peratus sumbangan mengikut sektor, Sabah, 2021



Tidak termasuk duti import


Carta 2.3

Kadar pertumbuhan mengikut sektor, Sabah, 2020-2021



Paparan 2.1

Nilai ditambah mengikut sektor utama
Sabah, 2021



Sementara itu, nilai ditambah sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan RM2.4 bilion berbanding RM2.2 bilion pada tahun 2020. Sektor ini bertumbuh pada kadar 7.9 peratus berbanding negatif 29.1 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi yang lebih baik ini didorong oleh kenaikan dalam subsektor kejuruteraan awam. Bagi mengekalkan prestasi ini, kerajaan persekutuan memperuntukkan sejumlah RM1.9 bilion bagi melaksanakan 105 projek baharu untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur asas di negeri ini. Projek ini melibatkan menaik taraf jalan raya, bekalan air bersih dan bekalan elektrik.

PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR PERTANIAN

Sektor Pertanian memainkan peranan yang penting di dalam ekonomi sesebuah negeri melalui sumbangannya kepada hasil negeri, perolehan eksport serta mewujudkan peluang pekerjaan. Sektor ini adalah pembekal utama makanan dan juga bahan mentah untuk industri berasaskan sumber. Pada tahun 2021, sektor Pertanian di Sabah mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM12.5 bilion berbanding RM12.8 bilion pada tahun sebelumnya. Walaupun sektor ini mencatatkan penurunan sebanyak negatif 2.4 peratus, namun pertumbuhannya lebih baik daripada penyusutan 6.7 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Sektor ini menyumbang 15.9 peratus kepada keseluruhan KDNK Sabah pada tahun 2021 dan merupakan sektor ketiga terbesar di negeri ini.

Pada 2021, subsektor tanaman mendominasi sektor Pertanian di Sabah dengan sumbangan sebanyak 74.0 peratus seperti **Carta 2.4**, diikuti subsektor perikanan (15.6%), ternakan (6.1%), serta perhutanan & pembalakan (4.3%). Prestasi penyusutan yang lebih kecil iaitu negatif 2.4 peratus dalam sektor ini dipengaruhi oleh pertumbuhan yang memberangsangkan dalam subsektor perhutanan & pembalakan iaitu 27.7 peratus serta pertumbuhan positif subsektor ternakan (3.9%). Selain itu pertumbuhan lebih baik yang ditunjukkan oleh subsektor tanaman (-3.9%) juga mempengaruhi penyusutan yang lebih kecil dalam sektor Pertanian di Sabah.

Subsektor tanaman yang menyusut lebih kecil iaitu negatif 3.9 peratus berbanding negatif 6.6 peratus dipengaruhi oleh penurunan lebih kecil dalam pengeluaran komoditi kelapa sawit. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh MPOB (Jadual 2.1), pengeluaran buah tandan segar di Sabah merosot sebanyak negatif 4.7 peratus pada tahun 2021 namun prestasinya lebih baik jika dibandingkan dengan prestasi tahun sebelumnya (2020: -6.6%).

Subsektor perikanan yang merupakan aktiviti kedua terbesar dalam sektor Pertanian di Sabah juga menyusut 3.9 peratus berbanding pertumbuhan 1.4 peratus pada tahun 2020. Ini dipengaruhi oleh penyusutan dua digit dalam aktiviti ternakan ikan air payau.

Manakala bagi subsektor ternakan pula, ia bertumbuh 3.9 peratus berbanding 0.5 peratus pada tahun sebelumnya. Ini disokong oleh peningkatan dalam aktiviti ternakan ayam serta pengeluaran telur ayam.

Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan dengan pertumbuhan dua digit iaitu 27.7 peratus berbanding penyusutan dua digit negatif 39.4 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.



SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

Sektor Perlombongan dan pengkuarian di Sabah mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM20.4 bilion berbanding RM19.9 bilion pada tahun 2020. Sumbangan sektor ini adalah 26.0 peratus kepada KDNK Sabah.

Pada tahun 2021, sektor ini meningkat 2.4 peratus (2020: -12.3%) seperti **Carta 2.5**. Aktiviti pengekstrakan petroleum mentah merupakan penyumbang utama dengan sumbangan 75.8 peratus. Walau bagaimanapun, lonjakan pengeluaran gas asli menjadi faktor utama yang mendorong pertumbuhan positif sektor.

Sementara itu, aktiviti perlombongan dan pengkuarian lain juga turut menunjukkan prestasi yang kurang memberangsangkan iaitu negatif 2.3 peratus (2020: -16.9%) dipengaruhi oleh pengkuarian granit dan pemecahan batu.

SEKTOR PEMBINAAN

Sabah mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM2.4 bilion dalam sektor Pembinaan pada tahun 2021 berbanding RM2.2 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Sektor ini menyumbang sebanyak 3.0 peratus kepada keseluruhan ekonomi Sabah.

Prestasi sektor Pembinaan di Sabah bertumbuh 7.9 peratus berbanding penyusutan 29.1 peratus yang direkodkan pada tahun 2020, disokong oleh prestasi kukuh dua angka yang

dicatatkan oleh segmen kejuruteraan awam dan aktiviti pertukangan khas yang masing-masing menyumbang sebanyak 40.8 peratus dan 13.5 peratus seperti pada **Paparan 2.2**.

Di samping itu, segmen bangunan bukan kediaman yang menyumbang sebanyak 27.6 peratus juga turut mencatatkan pertumbuhan positif. Walau bagaimanapun, segmen bangunan kediaman yang menyumbang sebanyak 18.2 peratus pula mengalami kemerosotan dua angka.

Projek utama:

Antara projek utama yang terdapat di Sabah ialah:

- ♦ Projek Lebuhraya Pan Borneo, antaranya melibatkan pembinaan:
 - Dari Putatan ke Inanam,
 - Dari Bongawan ke Papar,
 - Dari Sindumin ke Kg. Melalia,
 - Dari Kg. Lot M ke Sandakan,
 - Dari Inanam ke Sepanggar.
- ♦ Pembinaan kondominium termasuk *town villa* di Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu;
- ♦ Pembinaan hotel bertaraf lima bintang di Jalan Haji Saman, Kota Kinabalu;
- ♦ Projek pembinaan loji rawatan air Telibong II, Tamparuli;
- ♦ *EPCI of Subsea Systems for Gumusut Kakap Project Phase 3*;
- ♦ Projek pembinaan loji rawatan air Kundasang; dan
- ♦ *Jetty Extension Of Sapangar Bay Oil Terminal*.

Projek Baharu:


Projek baharu yang terdapat di Sabah ialah:

- ♦ Projek *Limbayong Deepwater Development*;
- ♦ *SK nexilis Malaysia Plant Project*; dan
- ♦ Kompleks Perumahan dan bangunan pentadbiran Batalion 20, Pasukan Gerakan Am (PGA).

“

RM20.4 bilion nilai ditambah sektor Perlombongan dan pengkuarian Sabah pada tahun 2021

”

Paparan 2.2**Komposisi sektor Pembinaan, Sabah, 2021****SEKTOR PEMBUATAN**

Sektor Pembuatan di Sabah masih merekodkan kemerosotan pada tahun 2021 iaitu penurunan 1.8 peratus. Walau bagaimanapun, kemerosotan ini lebih perlahan berbanding penguncupan 6.6 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor ini mencatatkan pengurangan nilai ditambah sebanyak RM0.1 bilion iaitu daripada RM6.0 bilion pada tahun 2020 kepada RM5.9 bilion pada tahun 2021.

Subsektor minyak & lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan yang mendominasi sektor ini dengan sumbangan 65.8 peratus terus mencatatkan kejatuhan pada 8.3 peratus. Ia dipengaruhi oleh penurunan bagi pembuatan minyak sawit mentah dan minyak sawit bertapis. Sabah merupakan pengeluar utama bagi kedua-dua produk tersebut.

Namun begitu, produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka mencatatkan peningkatan sebanyak 5.6 peratus (2020: -10.6%) didorong oleh aktiviti pembuatan simen hidrolik. Subsektor produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan

“

RM5.9 bilion nilai ditambah sektor **Pembuatan Sabah** pada tahun 2021

”




pula melonjak 25.0 peratus disokong oleh pengeluaran kepingan venier dan papan lapis serta aktiviti pengilangan dan pengetaman kayu. Sumbangan mengikut subsektor adalah seperti pada **Carta 2.6**.

Pada tahun 2021, nilai pelaburan yang diluluskan dalam sektor Pembuatan di Sabah adalah sebanyak RM4.9 bilion. Industri produk logam asas merekodkan nilai pelaburan tertinggi iaitu sebanyak RM4.3 bilion.

SEKTOR PERKHIDMATAN

Pembukaan semula beberapa sektor ekonomi secara berperingkat pada 2021, ianya dilihat telah memberi impak positif kepada prestasi ekonomi sektor Perkhidmatan di sesebuah negeri. Pada 2021, sektor Perkhidmatan di Sabah mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM37.2 bilion (2020: RM36.5b) iaitu pertambahan sebanyak RM0.7 bilion berbanding tahun sebelumnya yang telah mencatatkan pengurangan RM2.9 bilion. Sumbangan sektor ini kepada keseluruhan KDNK Sabah pada tahun 2021 adalah sebanyak 47.3 peratus (2020: 47.0%). Sektor ini mencatatkan pertumbuhan sederhana 1.8 peratus berbanding penyusutan 7.3 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi mengikut subsektor dalam sektor Perkhidmatan adalah seperti dipaparkan pada **Jadual 2.2**.

Paparan 2.3**Penyumbang utama dan pertumbuhan 2021 bagi subsektor Perkhidmatan****Perdagangan borong dan runcit**

Pelan Pemulihan Negara (PPN) mengikut fasa yang mula diperkenalkan pada Jun 2021 yang menjadi strategi pemulihan ekonomi telah memberi ruang untuk merencanakan semula ekonomi terutamanya kepada subsektor perdagangan borong & runcit.

Pada 2021, subsektor perdagangan borong & runcit telah menyumbang 30.1 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Sabah. Prestasi ekonomi subsektor ini bertumbuh marginal 1.7 peratus (2020: -7.5%) didorong oleh segmen borong dan runcit.

Segmen borong turut bertumbuh sederhana kepada 3.3 peratus pada tahun 2021 (2020: -6.7%) disokong oleh peningkatan dalam aktiviti jualan borong jentera, kelengkapan & bekalan, dan juga aktiviti jualan borong makanan, minuman & tembakau.

Sumbangan segmen borong ini kepada subsektor perdagangan borong & runcit Sabah adalah 57.4 peratus seperti **Carta 2.7**. Kepelbagaian dalam penumpuan produk pengeluaran telah memberikan impak yang berbeza-beza terhadap prestasi borong di negeri.

Sementara itu, segmen runcit mencatatkan pertumbuhan 1.6 peratus berbanding penyusutan 8.4 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi positif ini disokong oleh pertumbuhan dalam aktiviti jualan runcit di stor bukan pengkhususan, dan juga aktiviti jualan runcit barangan lain di stor pengkhususan. Sumbangan segmen runcit ini kepada subsektor perdagangan borong & runcit di Sabah adalah 35.4 peratus (**Carta 2.7**).

Namun prestasi segmen kenderaan bermotor dilihat menyusut kepada negatif 9.2 peratus (2020: -9.3%) dipengaruhi oleh aktiviti jualan komponen (termasuk alat ganti) & aksesori kenderaan bermotor, dan juga aktiviti penyelenggaraan & pembaikan kenderaan bermotor.

Perkhidmatan maklumat dan komunikasi

Subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi menyumbang sebanyak 9.1 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Sabah dengan nilai ditambah berjumlah RM3.4 bilion pada tahun 2021. Subsektor ini mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 7.7 peratus berbanding 7.8 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan prestasi ini didorong oleh segmen dalam perkhidmatan telekomunikasi.

“

Subsektor perkhidmatan maklumat & komunikasi

Sabah bertumbuh **7.7%** pada tahun 2021

”

Segmen perkhidmatan telekomunikasi merekodkan kadar pertumbuhan sebanyak 8.5 peratus didorong oleh permintaan dalam perkhidmatan komunikasi data. Aktiviti pembelajaran, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan penggunaan platform media sosial seperti WhatsApp, Facebook dan Youtube turut merangsang kepada permintaan perkhidmatan ini.

Selain itu, antara segmen lain yang turut menyumbang kepada prestasi keseluruhan perkhidmatan ini adalah segmen perkhidmatan komputer dan maklumat yang mencatatkan pertumbuhan 1.5 peratus yang disokong oleh aktiviti pengurusan kemudahan komputer.

Pengangkutan dan penyimpanan

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan menyumbang sebanyak 5.3 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Sabah. Pada tahun 2021, subsektor ini menunjukkan penurunan 4.6 peratus berbanding kemerosotan 29.2 peratus pada tahun sebelumnya.

Pengangkutan air merupakan peneraju utama dengan sumbangan 29.6 peratus, diikuti pengangkutan darat (22.9%), pelabuhan & operasi penerbangan (21.7%), pengangkutan lain (10.7%), perkhidmatan pos dan kurier (8.7%), dan pengangkutan udara (6.4%) seperti pada **Carta 2.8**.

Penurunan ini dipengaruhi antaranya oleh penyusutan dalam aktiviti pengangkutan darat, pelabuhan & operasi penerbangan serta pengangkutan udara berikutan daripada pembukaan semula aktiviti ekonomi secara berfasa di seluruh negara.

Walau bagaimanapun, pemulihan dalam aktiviti pengangkutan air serta prestasi mampan perkhidmatan pos dan kurier telah mengurangkan magnitud kejatuhan industri ini.



“

**Subsektor pengangkutan
dan penyimpanan**
Sabah menyusut **4.6%**
lebih baik berbanding 2020

”

Penginapan dan makanan & minuman

Subsektor penginapan di Sabah masih mencatatkan pertumbuhan negatif iaitu 32.6 peratus pada tahun 2021 (2020: -60.5%) dan merekodkan nilai ditambah RM248.7 juta. Ini dipengaruhi oleh ketibaan pelawat ke Sabah yang merekodkan penyusutan 62.0 peratus pada tahun 2021 (2020: -76.7%). Selain itu, bilangan tetamu hotel bagi pelancong asing juga menurun sebanyak 0.5 juta berbanding tahun sebelumnya. Begitu juga yang ditunjukkan pada data jumlah penumpang yang dikendalikan di lapangan terbang turut menunjukkan trend yang sama iaitu menyusut 44.7 peratus pada tahun 2021 (2020: -73.6%).

Subsektor makanan dan minuman menyumbang 3.6 peratus kepada sektor Perkhidmatan di negeri Sabah. Subsektor ini menyusut 11.0 peratus (2020: -27.7%) dengan merekodkan nilai ditambah RM1,345.0 juta pada tahun 2021.

Perkhidmatan perniagaan

Subsektor perkhidmatan perniagaan merekodkan penurunan 15.4 peratus pada tahun 2021 (2020: -19.2%) dipengaruhi

oleh aktiviti profesional dan perkhidmatan perniagaan lain.

Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal kekal mendominasi subsektor ini dengan sumbangan sebanyak 80.1 peratus. Aktiviti ini menguncup 9.0 peratus daripada negatif 10.9 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Aktiviti utama yang mempengaruhi prestasi tersebut ialah aktiviti guaman, perakaunan dan perkhidmatan kejuruteraan. Aktiviti lain yang turut memberi impak kepada kemerosotan segmen ini ialah perkhidmatan arkitek dan perkhidmatan juruukur tanah. Dalam pada itu, aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan menyumbang sebanyak 19.9 peratus dan mencatatkan penyusutan 34.2 peratus (2020: -36.5%) dipengaruhi oleh aktiviti agensi pengembaraan dan aktiviti keselamatan persendirian.

Perkhidmatan kesihatan swasta

Subsektor perkhidmatan kesihatan swasta menyumbang sebanyak 0.7 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Sabah. Subsektor ini mencatatkan pertumbuhan positif 3.2 peratus berbanding negatif 7.6 peratus pada tahun 2020 seterusnya merekodkan jumlah nilai ditambah sebanyak RM250.0 juta.

Aktiviti amalan perubatan dan pergigian merupakan penyumbang utama kepada prestasi keseluruhan subsektor ini. Selain itu, antara aktiviti lain yang menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan perkhidmatan ini adalah aktiviti hospital.

Perkhidmatan pendidikan swasta

Subsektor perkhidmatan pendidikan swasta menyumbang sebanyak 1.0 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Sabah. Pada tahun 2021, subsektor ini merekodkan penyusutan 3.5 peratus (2020: -6.1%).

Pembukaan pengoperasian kesemua institusi pendidikan secara berperingkat untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bersemuka telah mendorong kepada fasa pemulihan bagi subsektor ini.

Berdasarkan **Carta 2.9**, aktiviti pendidikan tinggi kekal menjadi penyumbang utama dengan sumbangan sebanyak 51.5 peratus kepada keseluruhan subsektor perkhidmatan pendidikan swasta Sabah. Seterusnya, diikuti oleh pendidikan menengah (21.6%), pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah (14.0%), pendidikan lain (12.5%) dan perkhidmatan sokongan pendidikan (0.5%).

Perkhidmatan kerajaan

Perkhidmatan kerajaan meliputi empat peringkat iaitu kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Penglibatan sektor kerajaan memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan pembangunan ekonomi negeri.

Pada tahun 2021, nilai ditambah perkhidmatan kerajaan di Sabah adalah sebanyak RM9.3 bilion berbanding RM8.8 bilion pada tahun sebelumnya dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 6.1 peratus (2020: 5.1%). Perkhidmatan ini menyumbang sebanyak 25.0 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan di Sabah.

Kerajaan persekutuan mendominasi perkhidmatan kerajaan di negeri ini dengan sumbangan sebanyak 79.9 peratus diikuti oleh kerajaan negeri, badan berkanun dan PBT.

“


Subsektor perkhidmatan kerajaan Sabah meningkat sebanyak 6.1% pada tahun 2021

”

CARTA PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

Carta 2.4

Prestasi sektor Pertanian, Sabah, 2020-2021




Carta 2.5

Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, Sabah, 2015-2021




Carta 2.6

Peratus sumbangan subsektor Pembuatan, Sabah, 2021




Carta 2.7

Peratus sumbangan subsektor perdagangan borong dan runcit, Sabah, 2021




Carta 2.8

Peratus sumbangan subsektor pengangkutan dan penyimpanan, Sabah, 2021



Carta 2.9

Peratus sumbangan subsektor pendidikan swasta, Sabah, 2021



JADUAL PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

Jadual 2.1 Statistik industri kelapa sawit, Sabah, 2020-2021


Sabah	Nilai		Pertumbuhan (%)	
	2020	2021	2020	2021
Buah tandan segar ('000 tan)	22,480	21,430	-6.6	-4.7
Minyak sawit mentah ('000 tan)	4,647	4,363	-7.7	-6.1
Isirong sawit ('000 tan)	1,044	957	-9.0	-8.3
Keluasan belum matang (hektar)	198,446	191,643	4.1	-3.4
Keluasan matang (hektar)	1,344,608	1,331,981	-0.7	-0.9

Sumber: MPOB

Jadual 2.2 Prestasi sektor Perkhidmatan, Sabah, 2020-2021

Subsektor	2020 ^e			2021 ^p		
	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)
Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi	6,535	17.9	-8.7	6,708	18.0	2.6
Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan	12,914	35.3	-13.7	12,813	34.4	-0.8
Kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	5,227	14.3	-8.0	5,335	14.3	2.1
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	3,085	8.4	-5.6	3,040	8.2	-1.4
Perkhidmatan kerajaan	8,784	24.0	5.1	9,319	25.0	6.1
Jumlah	36,544	100.0	-7.3	37,215	100.0	1.8

KADAR VAKSINASI, 2021



PAKEJ RANGSANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 2020-2021

JUMLAH KESELURUHAN 2020/2021

RM530 bilion



PAKEJ RANGSANGAN KERAJAAN NEGERI, 2020-2021

NOTA:

2020

2021



PAKEJ RANGSANGAN, BANTUAN DAN INSENTIF KERAJAAN NEGERI, 2020-2022

2020	PAKEJ RANGSANGAN DAN BANTUAN KHAS COVID-19	2021	PAKEJ RANGSANGAN DAN BANTUAN KHAS COVID-19
 RM20.0 JUTA Pemberian khas one-off RM500 kepada KIR miskin & miskin tegar	 RM60.0 JUTA Bantuan one-off frontliners	 RM1.5 JUTA Peruntukan menangani wabak COVID-19 bagi Hospital Universiti Malaysia Sabah tahun 2021	 RM17.6 JUTA Bantuan One-Off BUDI Dan BAKTI
 RM27.7 JUTA Potongan 30% cukai tanah	 RM50.0 JUTA Pengecualian bayaran fi lesen penaja dan potongan 20% cukai taksiran oleh PBT	 RM31.5 RIBU Bakul makanan	 RM29.8 JUTA Bantuan prihatin COVID-19 (2.0) (Kementerian Pertanian dan Perikanan)
 RM18.0 JUTA Bantuan makanan kepada penduduk kampung terjejas	 RM71.2 JUTA Pengecualian bayaran bil air & diskaun bil elektrik selama 3 bulan	 RM1.2 JUTA Bantuan prihatin COVID-19 (2.0) (Kementerian Kerja Raya)	 RM10.9 JUTA Bantuan prihatin COVID-19 (2.0) (Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan)
		 RM0.5 JUTA Dapur Belia 4.0 (agihan bakul makanan, pek)	 RM15.0 JUTA Perbelanjaan pembelian peranti digital untuk pelajar
Jumlah Implikasi Kewangan, 2020		Jumlah Implikasi Kewangan, 2021	
RM670.0 JUTA		RM223.8 JUTA	

2022		PAKEJ RANGSANGAN DAN BANTUAN KHAS COVID-19						
	RM92.7 JUTA Pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur pengairan dan saliran		RM20.0 JUTA Pembayaran insentif harga getah kepada pekebun kecil diteruskan		RM227.4 JUTA Sektor pelancongan		RM127.1 JUTA Program pembudayaan dan pengadaptasian Sains, Teknologi dan Inovasi.	RM4.6 BILION
	RM134.2 JUTA Pembangunan masyarakat dan kesejahteraan rakyat		RM56.4 JUTA Menaik taraf kemudahan digital untuk kegunaan penjawat awam		RM3.8 JUTA pembangunan Kerajaan Elektronik (e-Government) dan Program Pembangunan ICT.		RM52.0 JUTA Pembangunan sukan termasuk prasarana dan fasiliti sukan	

Nota:
Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

Sumber: Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan Ucapan Belanjawan Negeri Tahun 2022

INDEKS HARGA PENGGUNA

Pada akhir tahun 2021, Malaysia masih belum bebas daripada pandemik COVID-19. Sedikit demi sedikit, masyarakat sudah mula menerima hakikat untuk menjalani kehidupan bersama dengan virus COVID-19. Fasa pandemik tidak hanya memberi kesan terhadap kesihatan masyarakat sahaja, tetapi ia juga menjejaskan ekonomi negara. Pandemik COVID-19 juga telah memberi kesan pada Indeks Harga Pengguna (IHP) terutamanya terhadap pola perbelanjaan pengguna. Walau bagaimanapun, kerajaan telah melancarkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) iaitu pemberian vaksin percuma kepada semua rakyat Malaysia secara berperingkat yang membantu untuk mewujudkan imuniti berkelompok. Kesannya, pada akhir suku tahun ketiga 2021, kerajaan mula melonggarkan dan membenarkan pembukaan semula beberapa sektor ekonomi. Tindakan itu sedikit sebanyak telah membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Peningkatan ketara purata harga minyak mentah dunia Brent pada tahun 2021 (66.5%) daripada AS\$42.30 per tong (2020) kepada AS\$70.44 per tong (2021) telah memberi kesan terus kepada kenaikan harga petrol tanpa plumbum RON97, petrol tanpa plumbum RON95 dan diesel. Purata harga petrol tanpa plumbum RON97 pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan tertinggi sepanjang 10 tahun dengan kenaikan sebanyak 32.9 peratus (2021: RM2.65/liter) berbanding tahun sebelumnya (2020: RM1.99/liter).

Selain itu, purata harga petrol tanpa plumbum RON95 turut meningkat 21.1 peratus kepada

“

IHP Sabah merekodkan peningkatan pada kadar **1.6%**

”



RM2.03 per liter berbanding RM1.67 pada tahun sebelumnya, manakala purata harga diesel meningkat 18.6 peratus kepada RM2.14 per liter daripada RM1.80 seperti yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Inflasi Sabah¹ mencatatkan peningkatan iaitu pada 1.6 peratus berbanding negatif 1.9 peratus yang dicatatkan pada 2020 (**Carta 2.10**). Kadar inflasi ini juga berikutan kesan asas yang rendah pada tahun sebelumnya, yang merekodkan peningkatan ketara terutamanya dalam kumpulan pengangkutan serta peningkatan harga pelbagai barangan. Faktor lain seperti peningkatan harga ayam yang melebihi purata harga ayam pada tahun 2020 adalah impak daripada kenaikan harga bahan makanan haiwan. Ianya sejajar dengan kenaikan harga pasaran bahan mentah global.

Selain itu, hujan lebat yang berlaku di

¹ Termasuk W.P. Labuan

beberapa negeri di Semenanjung Malaysia susulan peralihan Monsun Timur Laut pada akhir tahun 2021 turut mendorong kenaikan harga makanan terutamanya makanan laut dan sayur-sayuran.

Kenaikan inflasi di negeri ini juga dipengaruhi oleh penamatan diskaun elektrik bulanan yang diberikan kepada pengguna domestik di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) untuk tempoh tiga bulan yang berakhir pada 30 September 2021.

Secara keseluruhannya, peningkatan inflasi kepada 1.6 peratus ini disumbangkan oleh indeks pengangkutan iaitu pada 12.7 peratus, perkhidmatan rekreasi & kebudayaan (2.5%), pelbagai barangan & perkhidmatan (0.9%), makanan & minuman bukan alkohol (0.6%) dan hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (0.8%) seperti yang dipaparkan di **Jadual 2.4**.

Kumpulan pengangkutan merekodkan peningkatan 12.7 peratus pada 2021 berbanding negatif 10.9 peratus yang direkodkan pada 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh penetapan petrol RON95 pada paras harga siling RM2.05 seliter dan diesel RM2.15 seliter bermula Mac 2021.

Inflasi kumpulan perkhidmatan rekreasi & kebudayaan mencatatkan peningkatan pada 2.5 peratus berbanding negatif 0.1 peratus pada 2020. Subkumpulan yang mencatatkan inflasi tertinggi adalah daripada subkumpulan perkhidmatan hiburan, rekreasi & kebudayaan iaitu pada 3.6 peratus. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pembukaan semula aktiviti pelancongan dan pergerakan rentas daerah bermula Oktober 2021.

Inflasi hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah meningkat pada 0.8 peratus berbanding negatif 0.4 peratus pada 2020.

Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh kenaikan bagi perabot, hiasan, permaidani dan penutup lantai lain.

Inflasi makanan & minuman bukan alkohol meningkat iaitu pada 0.6 peratus berbanding 0.2 peratus dicatatkan pada 2020. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan beberapa subkumpulan seperti subkumpulan minyak & lemak (3.6%), keluaran makanan t.t.t.l. (1.5%), susu, keju & telur (1.4%), daging (1.3%) dan sayur-sayuran (1.2%). Semua subkumpulan makanan & minuman bukan alkohol mencatatkan inflasi positif kecuali ikan segar & makanan laut dan kopi, teh, koko & minuman bukan alkohol seperti dipaparkan pada **Jadual 2.5**.

“

**Kumpulan pengangkutan
merekodkan peningkatan
pada kadar **12.7%****

”


Jadual 2.3 Purata harga item terpilih, Sabah, 2020-2021

Item Terpilih	Unit	Purata Harga (RM)	
		2020	2021
Ayam Bersih-Standard	1 kg	10.07	10.51
Telur Gred A	10 biji	4.43	4.58
Telur Gred B	10 biji	4.21	4.42
Telur Gred C	10 biji	4.01	4.27
Ikan Kembung	1 kg	9.71	9.87
Bayam	1 kg	4.01	4.18

CARTA INDEKS HARGA PENGGUNA

Carta 2.10

Perubahan tahunan IHP, Sabah*, 2011-2021



Jadual 2.4

Perubahan tahunan IHP mengikut kumpulan utama, Sabah*, 2020-2021

Tahun	2020	2021
Makanan & minuman bukan alkohol	0.2	0.6
Minuman alkohol & tembakau	0.1	0.2
Pakaian & kasut	-1.0	-0.4
Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain	-2.2	-1.1
Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	-0.4	0.8
Kesihatan	1.1	0.3
Pengangkutan	-10.9	12.7
Komunikasi	0.4	0.0
Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan	-0.1	2.5
Pendidikan	0.4	-0.4
Restoran & hotel	0.1	0.3
Pelbagai barangan & perkhidmatan	1.5	0.9
Keseluruhan	-1.9	1.6

Jadual 2.5

Perubahan tahunan subkumpulan makanan dan minuman bukan alkohol, Sabah*, 2020-2021

Tahun	2020	2021
Makanan & minuman bukan alkohol	0.2	0.6
Makanan di luar rumah	1.3	1.0
Beras, roti dan bijirin	0.7	0.4
Daging	2.1	1.3
Ikan segar dan makanan laut	-4.2	-0.9
Susu, keju dan telur	1.3	1.4
Minyak dan lemak	1.2	3.6
Buah-buahan	-0.5	0.8
Sayur-sayuran	-0.1	1.2
Gula, jem, madu, coklat dan manisan	-0.2	0.1
Keluaran makanan t.t.t.l	1.0	1.5
Kopi, teh, koko dan minuman bukan alkohol	1.1	-0.1

*termasuk W.P. Labuan

Rencana 2:**Industri Kelapa Sawit di Negeri Sabah, Hala Tuju Pasca COVID-19**

Oleh: Nurudin bin Ab Salam@Nawi, Mahdir bin Bahar, Adrian Austin Spiji dan Muhammad Fadhil bin Abd Latif

1.0 Pendahuluan

Sejak awal abad ke-21, minyak sawit telah berkembang pesat dan menjadi industri global yang penting. Menjelang tahun 2007, minyak sawit menyumbang 30 peratus daripada pengeluaran minyak sayuran global. Manakala eksport minyak sawit menyumbang 60 peratus daripada eksport global dalam minyak dan lemak mengikut volum (Carter C. et al., 2007).

Industri kelapa sawit merupakan sumber pendapatan utama negara sejak beberapa dekad yang lalu. Malaysia kini merupakan pengeluar kedua terbesar dan salah satu pengeksport terbesar produk minyak sawit dan menyumbang 44 peratus daripada eksport minyak sawit global (Wicke B. et al., 2011). Industri ini secara signifikannya menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), pelaburan langsung asing (FDI) dan telah membuka lebih banyak peluang pekerjaan (Kushairi. A. et al., 2018).

Malah industri ini merupakan sektor yang penting bagi kebanyakan negara khususnya Malaysia dan Indonesia yang melibatkan pengeksportan produk seperti minyak dan derivatif yang lain dalam kuantiti yang besar (Murphy, 2019). Pada tahun 2021, nilai eksport minyak sawit dan derivatif hiliran Malaysia telah meningkat kepada RM91.4 bilion bagi tempoh Januari hingga November iaitu peningkatan 40 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Industri ini kekal menjadi penyumbang keempat ekonomi Malaysia pada tahun 2021 (BERNAMA, 2022b).

Jadual 2(a): Destinasi utama eksport minyak sawit Malaysia, 2019-2021

Negara	Jumlah Export (tan)		
	2019	2020	2021
India	2,745,081	4,409,511	3,603,311
China	2,730,660	2,490,503	1,872,865
Kesatuan Eropah	1,937,088	2,077,465	1,639,059
Pakistan	1,003,601	1,085,546	609,807
Filipina	693,441	629,086	579,806
Turki	615,872	709,262	703,588
Amerika Syarikat	540,349	542,161	268,625
Kenya	520,758	193,340	672,715
Korea Selatan	453,278	423,105	347,522
Vietnam	436,839	595,265	346,636

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Jadual 2(a) memaparkan sepuluh destinasi utama eksport minyak sawit Malaysia pada tahun 2019 sehingga tahun 2021. Bagi pencapaian tahun 2021, India sekali lagi mengekalkan kedudukannya sebagai pasaran eksport minyak sawit Malaysia terbesar untuk tahun kelapan sejak 2014, dengan

3.60 juta tan atau 23.1 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport minyak sawit Malaysia. Ini diikuti oleh China sebanyak 1.87 juta tan (12.0%), EU 1.64 juta tan (10.5%), Turki 0.70 juta tan (4.5%), Kenya 0.67 juta tan (4.3%), Pakistan 0.61 juta tan (3.9%) dan Filipina 0.58 juta tan (3.7%) (Lembaga Minyak Sawit Malaysia, 2022). Peningkatan eksport minyak sawit Malaysia ke Asia Barat sebanyak 8.2 peratus turut dicatatkan pada tahun 2021. Antara destinasi eksport utama negara Asia Barat ialah Turki berjumlah 703,588 tan dan diikuti dengan Iran iaitu sebanyak 404,319 tan (BERNAMA, 2022a).

Industri Sawit di Sabah

Keluasan kawasan tanaman sawit di negeri Sabah telah meningkat sejak tahun 1970 (Remali Yusoff, 1999). Berdasarkan statistik terkini daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), keluasan tanaman sawit di seluruh negara adalah seperti dalam **Jadual 2(b)**.

Jadual 2(b): Kawasan tanaman kelapa sawit di Malaysia (juta hektar), 2016-2021

	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Semenanjung Malaysia	2.68	2.71	2.73	2.77	2.74	2.61
Sabah	1.55	1.55	1.55	1.54	1.54	1.52
Sarawak	1.51	1.56	1.57	1.59	1.58	1.61

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Industri minyak sawit di negeri Sabah menyumbang 65.3 peratus daripada sektor pertanian negeri dengan pengeluaran sebanyak 4.65 juta tan mewakili 6.2 peratus pengeluaran minyak sawit dunia (BERNAMA, 2021). Negeri Sabah melalui perancangan jangka panjang di bawah pelaksanaan Sabah Maju Jaya memfokuskan pembangunan negeri melalui tiga bidang ekonomi yang utama iaitu perindustrian, pertanian dan pelancongan. Pada tahun 2020, aktiviti pertanian menyumbang 16.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Sabah yang mewakili 12.9 peratus pertanian negara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Dalam hal ini, industri kelapa sawit akan terus diperkukuh melalui pelbagai inisiatif di peringkat dasar mahupun dalam kalangan pemain industri selaras dengan perancangan dalam blueprint Sabah Maju Jaya.

2.0 Pernyataan Masalah

Meskipun telah berusia lebih satu abad dan merupakan komoditi utama negara ini, industri kelapa sawit masih berhadapan dengan pelbagai cabaran. Ferdaos Alam, A. S. A. et al. (2015) menggariskan beberapa isu kontemporari penting yang dihadapi oleh industri ini iaitu kekurangan buruh, persaingan tinggi daripada negara jiran, penuaan pokok dan isu-isu berkaitan alam sekitar termasuklah biodiversiti, pembakaran hutan, penggunaan racun perosak dan pencemaran alam sekitar. Selain berhadapan dengan isu kekurangan buruh dan pengurusan alam sekitar, dengan keluasan tanah yang terhad, industri sawit juga berhadapan cabaran untuk meningkatkan hasil pengeluaran dengan keluasan tanah yang sama (Yap, 2021).


Pada tahun 2020, sektor Pertanian di Sabah menyusut kepada 6.6 peratus berbanding negatif 0.8 peratus pada tahun 2019. Penurunan subsektor tanaman yang mendominasi sektor ini dengan sumbangan sebanyak 75.5 peratus merupakan faktor utama yang membawa kepada

penyusutan sektor ini. Subsektor tanaman menyusut pada kadar 6.0 peratus pada tahun 2020 dipengaruhi oleh kemerosotan dalam aktiviti kelapa sawit yang menyumbang sebanyak 64.7 peratus kepada keseluruhan sektor Pertanian di Sabah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Pendapatan hasil daripada industri sawit amat bergantung kepada pengeluaran industri sawit itu sendiri. Pelbagai kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) telah dilaksanakan bukan hanya untuk memfokuskan peningkatan produktiviti pengeluaran sawit semata-mata malah turut melihat pengembangan industri ini secara menyeluruh termasuk pengurusan sisa pertanian dan kesan kepada alam sekitar (Kushairi. A. et al., 2018).


Struktur politik, sosial, ekonomi dan kewangan global berhadapan situasi yang sangat mencabar bagi tahun 2020 rentetan penularan wabak pandemik COVID-19. Tidak terkecuali di Malaysia, penularan wabak pandemik ini telah menyebabkan industri kelapa sawit mengalami kelembapan dalam pengeluaran, permintaan eksport dan harga khususnya pada awal tahun (Ghulam Kadir Ahmad Parveez et al., 2021). Malah secara keseluruhan, tahun 2020 telah menyaksikan kemerosotan kawasan tanaman kelapa sawit di Malaysia dan pengeluaran minyak sawit mentah termasuklah penurunan eksport minyak sawit, import dan stok. Walau bagaimanapun, tahun 2021 menyaksikan peningkatan yang tidak dijangka dalam harga minyak sawit mentah dan hasil eksport produk minyak sawit berbanding tahun sebelumnya.

Carta 2(a): Purata harga minyak sawit mentah Malaysia, 2019 - 2021



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Penularan wabak COVID-19 yang menyebabkan penutupan sempadan negara telah menyukarkan pengambilan pekerja asing. Kesannya, sektor perladangan kelapa sawit dianggarkan menghadapi kekurangan 75,000 pekerja asing yang menyebabkan aktiviti penuaian tertangguh dan mengurangkan kualiti buah tandan segar yang dituai (BERNAMA, 2022c). Malah kajian yang dilaksanakan oleh MPOB menunjukkan industri kelapa sawit berhadapan kekurangan 76 peratus sumber buruh yang terdiri daripada pekerja penuaian dan pekerja am (Jenny, N., 2021). Kekurangan tenaga buruh ini akan membantutkan proses pengeluaran sawit negara dalam jangka masa panjang yang boleh membawa kepada pelbagai isu berbangkit yang lain (Rahmin Abdullah, 2022). Bilangan kes COVID-19 bagi seluruh Malaysia dan negeri Sabah adalah seperti di **Carta 2(b)**.

Carta 2(b): Jumlah kes positif COVID-19 di negeri Sabah dan Malaysia, 2020-2021

Sumber: Majlis Keselamatan Negara

Pengeluaran industri sawit ini juga sering dikaitkan dengan permasalahan alam sekitar dan mengubah persekitaran kepada keadaan yang baru (Aki @ Zaki Aman, 2015). Malahan dianggarkan antara 48 peratus hingga 56 peratus penebangan hutan di Semenanjung Malaysia disebabkan oleh pembukaan ladang sawit sepanjang tempoh 1990 hingga 2000 (Varada, S. S. & Tatiana, V. L., 2019). Kerajaan telah dituntut untuk lebih komited terhadap pengurangan perubahan iklim serta mempromosikan ekonomi rendah karbon dan berdaya tahan seperti mana yang telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) (BERNAMA, 2022b).

Justeru itu, kajian ini adalah untuk mengkaji perkembangan industri sawit di negeri Sabah dan meneliti hubungan antara kuantiti pengeluaran minyak sawit mentah dengan nilai bahan mentah, jumlah pekerja, bilangan hari kilang beroperasi, jumlah gaji pekerja dan purata harga seunit menggunakan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

3.0 Objektif Kajian

- i. Mengkaji perkembangan industri sawit di negeri Sabah bagi tempoh 2019 hingga 2021 sebagai kayu ukur kepada prestasi dan halatuju sektor ini pada masa akan datang.
- ii. Mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pengeluaran minyak sawit mentah di negeri Sabah bagi tempoh 2019 hingga 2021.

4.0 Kajian Lepas

Selama lebih satu abad, industri perladangan kekal sebagai komponen penting dalam ekonomi Malaysia dengan penguasaan yang berterusan dalam pasaran global untuk pengeluaran dan eksport minyak sawit selepas Indonesia (BERNAMA, 2022d). Sumbangan industri minyak sawit kepada ekonomi Malaysia telah terbukti dan diperaku oleh ramai penyelidik. Ladang kelapa sawit sahaja meliputi 5.74 juta hektar di Malaysia pada tahun 2021 dengan 2.61 juta hektar di Semenanjung Malaysia dan baki adalah di Sabah dan Sarawak.

Permintaan terhadap penghasilan minyak kelapa sawit sangat dipengaruhi oleh pertambahan penduduk dunia. Malah industri minyak sawit telah berkembang menjadi minyak yang paling signifikan dihasilkan dan digunakan di dunia. Penggunaan minyak sawit mentah dan minyak sawit bertapis telah meningkat masing-masing 69 peratus dan 56 peratus sejak 10 tahun yang lalu (Lembaga Minyak Sawit Malaysia, 2019).

Industri sawit mengalami cabaran kerana berlakunya peningkatan kesedaran terhadap alam sekitar dan polisi-polisi persekitaran diperkenalkan akan mempengaruhi kepenggunaan minyak sawit dan persepsi terhadap minyak sawit (Er et al., 2020). Badan bukan kerajaan (NGO) sering mengetengahkan isu pencemaran alam sekitar dan pemusnahan habitat flora dan fauna yang disebabkan oleh industri sawit (Ahmad Ashmal et al., 2012). Industri sawit memerlukan lebih banyak tanah untuk meningkatkan pengeluaran minyak sawit. Oleh sebab terhadnya kawasan yang sesuai untuk penanaman kelapa sawit, industri ini telah meneroka jauh ke dalam hutan tropika dan dikaitkan penebangan hutan secara besar-besaran (Yaacob M.R et al., 2013).

Rameli Yussof (1999) dalam kajian beliau menggariskan antara faktor yang mempengaruhi pengeluaran adalah keluasan kawasan matang, elemen pengurusan dan penggunaan teknologi serta faktor semula jadi seperti cuaca dan kesuburan tanah. Seiring perkembangan teknologi moden, inovasi adalah elemen penting untuk memastikan industri sawit kekal kompetitif. Kemajuan teknologi ini akan mengoptimumkan penggunaan masa dan tenaga manusia dalam proses pengeluaran produk (BERNAMA, 2022c).

Gaji adalah daya penggerak kepada produktiviti seseorang pekerja. Gaji yang melebihi daripada pasaran akan memberi motivasi kepada pekerja untuk kekal dalam sesebuah organisasi dan memberikan perkhidmatan terbaik setimpal dengan pendapatan yang diperoleh (Carter, 2019). Malah International Labour Organization (ILO) merumuskan berdasarkan beberapa kajian terbaru menunjukkan pelaksanaan gaji minimum telah membantu mengurangkan jurang gaji berasaskan kemahiran dan menyumbang kepada produktiviti buruh yang lebih tinggi.

5.0 Metodologi Kajian

5.1 Sumber Data

Kajian ini menggunakan data sekunder daripada MPOB dan Survei Pembuatan Bulanan tahun 2019, 2020 dan 2021 yang dilaksanakan oleh DOSM khusus bagi industri penghasilan minyak sawit mentah dan minyak sawit mentah bertapis.

Jumlah sampel yang terlibat dalam kajian ini adalah sebanyak 3,361 pertubuhan yang meliputi dua klasifikasi industri tersebut. Taburan sampel berdasarkan tahun rujukan adalah seperti berikut:

Jadual 2(c): Bilangan sampel mengikut tahun

Tahun	Jumlah Sampel
2019	1,078
2020	1,145
2021	1,138

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kuantiti pengeluaran minyak sawit mentah merupakan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini manakala jumlah nilai bahan mentah, bilangan pekerja, bilangan hari kilang beroperasi, jumlah gaji pekerja dan purata harga seunit adalah mewakili pemboleh ubah tidak bersandar.

5.2 Data Analisis

Kajian ini meneliti pertumbuhan pengeluaran minyak sawit mentah di negeri Sabah bagi tempoh tiga tahun berturut-turut iaitu 2019, 2020 dan 2021. Statistik deskriptif dilaksanakan untuk melihat trend pengeluaran minyak kelapa sawit mentah mengikut siri masa dan wilayah. Selain itu, statistik deskriptif turut digunakan untuk melihat perbandingan antara jumlah pengeluaran minyak sawit mentah dengan produktiviti buah tandan segar, harga minyak sawit mentah, kuantiti eksport dan import kelapa sawit di negeri Sabah.

Analisis regresi dijalankan untuk menentukan faktor yang mempengaruhi pengeluaran minyak sawit mentah di negeri Sabah. Analisis ini digunakan untuk menganggarkan interaksi linear di antara pengeluaran minyak sawit mentah dan pemboleh ubah bilangan pekerja, jumlah hari kilang beroperasi, jumlah gaji pekerja dan purata harga seunit.

Secara keseluruhannya, hipotesis yang akan dikaji dalam kajian ini adalah:

H_0 : Tidak terdapat hubungan di antara jumlah pengeluaran minyak sawit dengan jumlah nilai bahan mentah, bilangan pekerja, jumlah hari kilang beroperasi, jumlah gaji pekerja dan purata harga seunit.

H_1 : Terdapat hubungan di antara jumlah pengeluaran minyak sawit dengan jumlah nilai bahan mentah, bilangan pekerja, jumlah hari kilang beroperasi, jumlah gaji pekerja dan purata harga seunit.

6.0 Keputusan Kajian

6.1 Statistik Deskriptif

Jadual 2(d) menunjukkan pengeluaran minyak sawit mentah bagi tempoh 2019 hingga 2021. Secara keseluruhannya trend menunjukkan penurunan dalam penghasilan minyak sawit mentah setiap tahun dalam tempoh bagi ketiga-tiga kawasan. Penghasilan minyak sawit mentah bagi Malaysia masing-masing menurun 3.6 peratus bagi perbandingan 2019


dan 2020 dan 5.3 peratus bagi tahun 2020 dan 2021. Trend penurunan ini adalah lebih tinggi bagi negeri Sabah iaitu 7.7 peratus bagi perbandingan 2019 dan 2020 dan hanya menunjukkan 6.2 peratus penurunan pada tahun 2020 dan 2021.

Jadual 2(d): Pengeluaran minyak sawit mentah Malaysia (juta tan), 2019-2021

	2019	2020	2021	Jumlah
Semenanjung Malaysia	10.58	10.44	9.85	30.82
Sabah	5.04	4.65	4.36	14.09
Sarawak	4.24	4.05	3.91	12.19
Malaysia	19.86	19.14	18.12	57.12

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Carta 2(c): Pengeluaran minyak sawit berdasarkan wilayah, 2019 - 2021



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Trend pengeluaran minyak sawit mentah secara keseluruhannya menunjukkan corak yang sama bagi Malaysia dan pecahan mengikut wilayah dengan pengeluaran terendah direkodkan pada suku pertama tahun 2020 dan suku pertama tahun 2021. Bagi negeri Sabah, perbezaan yang tinggi pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah disebabkan pengeluaran minyak yang rendah pada suku pertama dan suku keempat tahun tersebut. Penurunan hasil pengeluaran minyak mentah di negeri Sabah berlarutan hingga suku pertama tahun 2021. Walaupun peningkatan direkodkan sejak bulan Mac 2021, namun secara keseluruhan jumlah pengeluaran tahun tersebut masih rendah berbanding tahun 2020 kerana kadar pengeluaran minyak mentah yang rendah direkodkan sepanjang tahun tersebut.

Jadual 2(e): Produktiviti buah tandan segar Malaysia (t ha⁻¹), 2019-2021

	2019	2020	2021	Jumlah
Semenanjung Malaysia	17.95	17.76	16.24	51.95
Sabah	17.66	16.84	15.77	50.27
Sarawak	15.56	14.99	13.94	44.49
Malaysia	17.19	16.73	15.47	49.39

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia


Jadual 2(e) menunjukkan produktiviti buah tandan segar menyusut dari tahun 2019 hingga 2021 bagi setiap wilayah dan secara keseluruhan Malaysia. Perbandingan bagi tahun 2019 dan 2020 menunjukkan penurunan tertinggi bagi produktiviti buah tandan segar adalah bagi negeri Sabah dengan perbezaan sebanyak 4.6 peratus berbanding Malaysia 2.7 peratus. Seterusnya perbandingan bagi tahun 2020 dan 2021 pula menunjukkan bahawa penurunan produktiviti buah tandan segar bagi negeri Sabah adalah yang terendah iaitu 6.4 peratus dan penurunan Malaysia direkodkan sebanyak 7.5 peratus.

Dari aspek trend harga minyak sawit mentah pula, menunjukkan berlaku peningkatan yang signifikan sejak tahun 2019 dengan kenaikan sebanyak 27.6 peratus bagi tahun 2020 dan kenaikan 67.8 peratus daripada tahun 2020 berbanding tahun 2021. Berdasarkan **Jadual 2(f)**, trend harga mengikut wilayah di negeri Sabah bagi tahun 2019 dan 2020 menunjukkan harga bagi Bahagian Tengah adalah yang tertinggi diikuti Bahagian Selatan, Bahagian Utara dan Bahagian Timur adalah yang paling rendah. Walau bagaimanapun, trend ini berbeza pada tahun 2021 yang memaparkan harga minyak sawit mentah tertinggi direkodkan di Bahagian Timur dan paling rendah di Bahagian Tengah.

Jadual 2(f): Harga minyak sawit mentah Sabah dan Wilayah Sabah, 2019-2021

	2019	2020	2021
Bahagian Utara	2,041.50	2,652.50	4,302.50
Bahagian Selatan	2,090.50	2,686.50	4,441.00
Bahagian Tengah	2,095.00	2,715.50	4,435.00
Bahagian Pantai Timur	2,008.00	2,305.00	4,535.00
Negeri Sabah	2,094.00	2,671.00	4,505.50

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Carta 2(d): Pengeluaran dan harga minyak sawit mentah Malaysia, 2019-2021

Kenaikan harga minyak sawit mentah global ini disebabkan oleh bekalan yang rendah dan persekitaran permintaan yang tinggi (BERNAMA, 2022a). Walau bagaimanapun dengan pelbagai isu yang mendepani industri sawit di Malaysia khususnya kekurangan sumber tenaga buruh, dikhawatiri juga industri sawit kita tidak dapat mengimbangi kenaikan harga ini dengan pengeluaran semasa (Rahim Abdullah, 2022).

Jadual 2(g) menunjukkan kuantiti eksport kelapa sawit dan semua produk sawit bagi negeri Sabah menyusut pada tahun 2021 dengan kadar 14.6 peratus berbanding tahun 2020. Walau bagaimanapun, berikutan peningkatan harga pasaran bagi produk kelapa sawit, hasil eksport ini direkodkan meningkat dari tahun 2019 (15.4%) dan tahun 2020 (36.2%).

Jadual 2(g): Eksport kelapa sawit dan produk kelapa sawit negeri Sabah, 2019-2021^P

Produk	Kuantiti (juta tan)			Nilai Eksport (RM juta)		
	2019	2020	2021 ^P	2019	2020	2021 ^P
Minyak Sawit	5.15	4.73	4.13	11,007.38	12,879.59	17,308.64
Minyak Inti Kelapa Sawit	0.58	0.54	0.48	1,532.54	1,785.74	2,952.48
Oleokimia Berasaskan Sawit	0.49	0.36	0.30	901.17	841.94	1,147.72
Biodiesel	0.06	0.03	0.01	150.10	107.34	31.05
Produk Lain Berasaskan Sawit	0.14	0.18	0.10	69.45	121.04	86.43
Kuih Inti Sawit	0.59	0.58	0.46	229.37	287.25	291.22
Jumlah	7.01	6.42	5.48	13,890.01	16,022.90	21,817.54

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2(h) pula memaparkan kuantiti import minyak sawit dan minyak kelapa sawit bagi tempoh 2019 hingga 2021. Import minyak sawit meningkat 19.5 peratus kepada 0.202 juta tan pada 2021 berbanding 0.169 juta tan pada 2020. Peningkatan import adalah untuk menampung permintaan dalam negeri Sabah bagi sektor pemprosesan hasil daripada pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih rendah sebanyak 0.29 juta tan (6.2%) pada 2021. Hampir semua minyak sawit (kedua-dua mentah dan diproses) diimport dari Indonesia.

Jadual 2(h): Import produk kelapa sawit (juta tan), Sabah, 2019-2021

Produk	2019	2020	2021 ^p
Minyak Sawit	0.357	0.169	0.202
Minyak Inti Kelapa Sawit	0.002	0.005	0.025
Jumlah	0.359	0.174	0.227

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

6.2 Analisis Regresi

Jadual 2(i) menunjukkan keputusan ujian bagi penganggaran model pengeluaran minyak sawit mentah bagi keseluruhan.

Jadual 2(i): Keputusan analisis regresi model keseluruhan

Pemboleh ubah	Nilai Koefisien	SE
Jumlah Nilai Bahan Mentah	0.00003	0.000*
Bilangan Pekerja	-16.137	3.007*
Bilangan Hari Kilang Beroperasi	196.203	38.880*
Jumlah Gaji Pekerja	0.004	0.000*
Purata Harga Seunit	-0.888	0.168*
Constant	2087.082	1030.201*
N		3361
R ²		0.713
Adjusted R ²		0.713

Nota: * Signifikan pada aras keyakinan 5%

** Signifikan pada aras keyakinan 10%

Keputusan regresi memaparkan kesemua pemboleh ubah yang diuji mempunyai hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi pertambahan kuantiti pengeluaran minyak sawit. Jumlah nilai bahan mentah, bilangan hari kilang beroperasi dan jumlah gaji pekerja mempunyai hubungan positif yang signifikan pada aras keyakinan 1 peratus. Manakala dua pemboleh ubah lagi iaitu bilangan pekerja dan purata harga seunit mempunyai hubungan negatif yang juga signifikan pada aras keyakinan 1 peratus.

Secara keseluruhannya, 71.3 peratus kuantiti pengeluaran minyak sawit dapat diterangkan oleh lima pemboleh ubah yang diuji manakala selebihnya 28.7 peratus diterangkan oleh pemboleh

ubah lain yang tidak termasuk dalam kajian ini.

Berikut adalah keputusan analisis regresi bagi model berdasarkan tahun. **Jadual 2(j)** menunjukkan trend yang sama dengan model keseluruhan bagi pemboleh ubah yang diuji. Jumlah nilai bahan mentah menyumbang peranan yang sama terhadap kuantiti pengeluaran minyak sawit mentah bagi tempoh 2019 hingga 2020 pada kadar yang minimum.

Selain itu, pemboleh ubah jumlah pekerja tidak mempengaruhi kuantiti pengeluaran minyak sawit pada 2019 sebaliknya mempunyai hubungan negatif yang signifikan pada tahun 2020 dan 2021. Pemboleh ubah bilangan hari kilang beroperasi menyumbang nilai terbesar terhadap pertambahan kuantiti pengeluaran minyak sawit khususnya pada tahun 2020. Pemboleh ubah jumlah gaji pekerja juga mempunyai hubungan positif yang signifikan terhadap kuantiti pengeluaran minyak sawit bagi tiga tahun tersebut. Walau bagaimanapun, pemboleh ubah purata harga seunit dilihat memainkan peranan yang berbeza terhadap model pengeluaran minyak sawit bagi tiga tahun tersebut. Pada tahun 2019 pembolehubah ini mempunyai hubungan positif dengan kuantiti pengeluaran sebaliknya mempunyai hubungan negatif pada tahun 2020. Pembolehubah ini adalah tidak signifikan pada tahun 2021 dalam mempengaruhi kuantiti pengeluaran minyak sawit.

Jadual 2(j): Keputusan analisis regresi model keseluruhan berdasarkan tahun

R^2	0.883	0.659	0.764
Adjusted R^2	0.883	0.658	0.763

Nota: * Signifikan pada aras keyakinan 5%

** Signifikan pada aras keyakinan 10%


Pemboleh ubah	Nilai Koefisien(SE)		
	2019	2020	2021
Jumlah Nilai Bahan Mentah	0.00006 (0.000)*	0.00003 (0.000)*	0.00003 (0.000)*
Bilangan Pekerja	-1.398 (3.475)	-35.257 (7.004)*	-7.812 (4.113)**
Bilangan Hari Kilang Beroperasi	198.671 (52.283)*	230.854 (76.757)*	107.702 (52.119)*
Jumlah Gaji Pekerja	0.002 (0.000)*	0.006 (0.001)*	0.002 (0.000)*
Purata Harga Seunit	1.321 (0.388)*	-2.134 (0.499)*	-0.240 (0.200)
Constant	-3074.174 (1403.922)*	5573.039 (1990.908)*	2422.301 (1348.499)**
N	1078	1145	1138
R^2	0.883	0.659	0.764

7.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

7.1 Trend Pengeluaran Minyak Sawit

Pengeluaran minyak sawit mentah seperti dalam **Carta 2(e)** memaparkan secara keseluruhannya pengeluaran minyak sawit mentah di Sabah adalah dipengaruhi oleh produktiviti penghasilan buah tandan segar. Penghasilan minyak sawit mentah bagi suku pertama tahun 2020 adalah 29.1 peratus lebih rendah berbanding suku sama 2019 yang didorong oleh penurunan dalam produktiviti buah tandan segar sebanyak 27.1 peratus. Trend ini juga sama bagi perbandingan suku pertama untuk tahun 2020 dengan 2021 yang memaparkan penurunan sebanyak 17.3 peratus penghasilan minyak mentah disebabkan pengurangan dalam produktiviti buah tandan segar sebanyak 14.6 peratus.

Carta 2(e): Pengeluaran minyak sawit mentah dan produktiviti buah tandan segar, Sabah, 2019-2021



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Dari aspek produktiviti buah tandan segar, penurunan ini direkodkan berpunca daripada kekurangan buruh yang berlaku di ladang seperti mana yang sering diutarakan oleh pemain industri mahupun penyelidik. Kebergantungan terhadap pekerja asing yang tinggi dalam sektor ini mendorong kepada isu ekonomi dan sosial yang lebih kompleks yang menuntut pelbagai inisiatif konkrit daripada pihak kerajaan (Ferdous Alam, A. S. A. et al., 2015). Isu defisit dalam nisbah buruh tanah seterusnya membawa kepada kesan negatif penuaian buah khususnya bagi ladang yang masih bergantung pada sumber tenaga manusia bagi mendapatkan buah tandan segar daripada pokok.

7.2 Faktor yang mempengaruhi pengeluaran minyak sawit mentah

Sepanjang tempoh tiga tahun tersebut, pengeluaran minyak sawit mentah tidak menunjukkan trend penurunan yang drastik meskipun berlaku pandemik COVID-19 kerana kilang pemprosesan minyak sawit mentah masih beroperasi sepanjang musim pandemik. Rumusannya, pengeluaran minyak sawit mentah dipengaruhi oleh bilangan pekerja, bilangan hari kilang beroperasi, jumlah nilai bahan mentah, jumlah gaji pekerja dan purata harga seunit.

7.3 Limitasi

Terdapat beberapa kekangan untuk mendapatkan model terbaik bagi pengeluaran minyak sawit mentah dalam kajian ini. Faktor yang utama adalah disebabkan keterbatasan data kajian khususnya bagi data bahan mentah yang merupakan faktor yang penting terhadap pengeluaran. Nilai koefisien bagi pembolehubah nilai bahan mentah adalah kecil disebabkan oleh pembolehubah ini adalah proksi dengan jumlah bahan mentah yang diperolehi bagi tujuan pengeluaran. Dalam pada itu, data bilangan pekerja tidak terperinci iaitu tiada pengkelasan jawatan, tingkat kemahiran dan aktiviti utama menyebabkan analisis gaji yang terperinci tidak dapat dilaksanakan.

Selain itu, sampel asal kajian ini juga telah diolah semula dengan mempertimbangkan menggugurkan data-data terpencil (outlier) yang tidak signifikan dalam kajian ini.

7.4 Kesimpulan dan cadangan

Industri kelapa sawit memberi kesan yang signifikan terhadap ekonomi Sabah khususnya bagi sektor pertanian. Dalam mendepani hala tuju industri kelapa sawit pada masa hadapan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa untuk mempromosikan amalan pertanian terbaik dan inovasi yang berterusan bagi meningkatkan pengeluaran buah tandan segar yang seterusnya meningkatkan pengeluaran minyak sawit mentah. Ini telah terbukti bahawa dengan mendalami dan mengaplikasikan teknologi baharu secara rutin akan mempercepatkan transformasi industri kelapa sawit kepada industri yang lebih berdaya tahan untuk mengharungi pelbagai cabaran pada masa akan datang.

Dalam hal ini, untuk menjamin industri ini untuk terus kompetitif dan memberi pulangan yang signifikan terhadap ekonomi Sabah, pengeluaran yang tinggi, peningkatan dalam nilai tambah produk serta strategi yang mapan perlu menjadi fokus kerajaan dan pemain industri untuk menggerakkan Sabah Maju Jaya. Tumpuan harus diberikan untuk meningkatkan sektor hulu sambil mengimbangi sektor pertengahan dan hiliran ke arah mewujudkan model ekonomi baharu dengan memperkenalkan industri sawit sebagai sektor penjana kekayaan negara.

Rujukan

- Ahmad Ashmal, Azizan Zaimah Darawi, & Mohd Noor Mamat. (2012). Senario Masa Hadapan Pasaran dan Pemasaran Industri Minyak Sawit Malaysia ke arah Perancangan Strategik dalam Peningkatan Daya Saing Global. *PROSIDING PERKEM VII*, (1), 6-19.
- Aki @ Zaki Aman, Er, A. C., & Chamhuri Siwar. (2015). Penanaman Sawit Lestari dan Impak Sosioekonomi. *Journal of School Social Science and Humanities* 10(1), 57-80.
- BERNAMA. (22 Januari, 2022a). Asia Barat pasaran penting minyak sawit Malaysia. Berita Harian.
- BERNAMA. (22 Januari, 2022b). Industri Minyak Sawit Kekalkan Prestasi Positif Tahun Ini. Harian Metro.
- BERNAMA. (30 Mac, 2022c). Teknologi Jadikan Industri Sawit Kekal Kompetitif. Berita Harian.
- BERNAMA. (29 Mei, 2022d). What's Next for the Plantation Industry? New Straits Times.
- BERNAMA. (27 Mei, 2021). Sabah Tingkat Usaha Pembangunan Mapan Industri Minyak Sawit. BERNAMA.
- Carter, C., Finley, E., Fry, J., Jackson, & D., Willis, L. (2007). Palm Oil Markets and Future Supply. *Eur J Lipid Sci Technol*, 109(4), 307-320.
- Department of Statistics Malaysia. (2021). *Laporan Sosioekonomi Negeri Sabah 2020*.
- Er, A. C., Nur Anisah Abd Manan, Norsuriani Md Saleh, Noor Fatin Azua Ab Razab, Ding, C. W., Azhar Ahmad, & Hawati Janor. (2020). Persepsi dan Faktor yang Mempengaruhi Pembelian Minyak Sawit dalam Kalangan Pengguna Domestik dan Antarabangsa. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 17 (8), 165-189.
- Ferdous Alam, A. S. A., Er, A. C. & Halima Begun. (2015). Malaysian Oil Palm Industry: Prospect and Problem. *Journal of Food, Agriculture & Environment*, 13(2), 143-148.
- Ghulam Kadir Ahmad Parveez, Azmin Haizam Ahmad Tarmizi, Shamala Sundram, Soh, K. L., Meilina Ong-Abdullah, Kosheeka Devi Poo Palam, Kamalrudin Mohamed Salleh, Shaeilyza Mohd Ishak, & Zainab Idris. (2021). Oil Palm Economic Performance in Malaysia and R&D Progress in 2020. *Journal of Oil Palm Research*, 33(2), 181-213.
- Ghulam Kadir Ahmad Parveez, Elina Hisahmuddin, Soh, K. L., Meilina Ong-Abdullah, Kamalrudin Mohamed Salleh, Mohd Noor Izuddin Zanal Bidin, Shamala Sundram, Zafarizal Aldrin Azizul Hasan & Zainab Idris. (2020). Oil Palm Economic Performance in Malaysia and R&D Progress in 2019. *Journal of Oil Palm Research*, 32(2), 159-190.
- Jenny Ng. (2021). Malaysia's Palm Oil Yield to Continue Declining on Labour Shortage. The Edge Malaysia.

- Kushairi, A., Meilina Ong-Abdullah, Balu Nambiappan, Elina Hisahmuddin, Zanal Bidin Mohd Noor Izuddin, Razmah, G., Shamala Sundram, & Ghulam Kadir Ahmad Parveez. (2018). Oil Palm Economic Performance in Malaysia and R&D Progress in 2017. *Journal of Oil Palm Research*, 30(2), 163-195.
- Kushairi, A., Soh, K. L., Azman, I., Elina Hisahmuddin, Meilina Ong-Abdullah, Elina Hisahmuddin, Mohd Noor Izuddin Zanal Bidin, Razmah Ghazali, Vijaya Subramaniam, Shamala Sundram, & Ghulam Kadir Ahmad Parveez. (2019). Oil Palm Economic Performance in Malaysia and R&D Progress in 2018. *Journal of Oil Palm Research*, 31(2), 165-194.
- MPOC. (27 Februari, 2021). *Pengenalan kepada Minyak Sawit - MPOC*. MPOC; sawit.com.my. <https://sawit.com.my/introduction-to-palm-oil/>
- Murphy, D. J., Gonggin, K., & Paterson, R. R. M. (2021). Oil Palm in the 2020s and Beyond: Challenges and solutions. *CABI Agriculture and Bioscience* 2(39).
- Rahim Abdullah. (2022). *Kenaikan Harga Minyak Sawit: Kerajaan Perlu Semak Dasar Termasuk Subsidi*. Astro Awani.
- Remali Yusoff. (1999). Kajian Ekonometrik Industri Minyak Kelapa Sawit di Sabah. Laporan Penyelidikan.
- Varada, S. S. & Tatiana, V. L. (2019). Oil Palm Plantation in Peninsular Malaysia: Determinants and Constraints Expansion. *PLOS One*. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0210628>
- Wicke, B., Sikkema, R., Dornburg, & V., Faaji, A. (2011). Exploring Land Use Changes and the Role of Palm Oil Production in Indonesia and Malaysia. *Land Use Policy*, 2(1), 193-206.
- Yaacob, M. R., & Mohd Yusof, M. F. (2013). Perindustrian dan Kelestarian Kualiti Alam Sekitar di Malaysia – Asas dan Pendekatan Teori Pemodenan Ekologikal. *PROSIDING PERKEM VIII*, 2, 991. https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013_4B4.pdf
- Yap, S. H. (14 Mac, 2021). *Industri Sawit Malaysia Masih Berhadapan dengan Pelbagai Kekangan*. Utusan Borneo.

DEMOGRAFI SOSIAL

PENDUDUK

- Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk
- Struktur umur
- Nisbah jantina
- Nisbah tanggungan
- Kumpulan etnik warganegara
- Penduduk mengikut daerah pentadbiran

KELAHIRAN

KESUBURAN

KEMATIAN

JANGKAAN HAYAT

TENAGA BURUH

- Penduduk bekerja
- Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

STATISTIK SISWAZAH

- Statistik siswazah Malaysia
- Statistik siswazah Sabah

MIGRASI

- Migrasi Malaysia
- Migrasi Sabah

BAB

3



PENDUDUK

Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk

Penduduk Sabah kekal sama dengan 3.4 juta pada 2021 dan 2020 dengan kadar pertumbuhan tahunan pada paras negatif 0.2 peratus. Komposisi penduduk warganegara pada 2021 ialah 77.2 peratus daripada keseluruhan penduduk Sabah.

Jadual 3.1 Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Sabah, 2020-2021

Penduduk	2020	2021	Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)
Bilangan penduduk ('000)	3,418.8	3,412.6	-0.2

Struktur umur

Struktur umur penduduk dikategorikan kepada tiga kumpulan umur utama iaitu umur muda, umur bekerja dan umur tua. Pada tahun 2021, peratusan umur muda menurun kepada 25.9 peratus daripada 26.5 peratus pada tahun 2020 manakala peratusan kumpulan umur bekerja dan umur tua mencatatkan peningkatan masing-masing kepada 68.4 peratus dan 5.7 peratus berbanding 67.9 peratus dan 5.6 peratus pada tahun 2020.

Jadual 3.2 Struktur umur penduduk, Sabah, 2020-2021

Kumpulan umur (%)	2020	2021
Penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda)	26.5	25.9
Penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja)	67.9	68.4
Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua)	5.6	5.7

3.4 juta

Penduduk
Sabah,
2021



Warganegara

77.2% (2021)
76.3% (2020)



**Bukan
Warganegara**

22.8% (2021)
23.7% (2020)

37.8

Nisbah
tanggungan
umur muda,
2021

Nisbah
Jantina

109 : 100
Lelaki : Perempuan

8.4

Nisbah
tanggungan
umur tua,
2021

Nisbah jantina

Nisbah jantina penduduk Sabah kekal dari 2020 hingga 2021 iaitu 109 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

Nisbah tanggungan

Jumlah nisbah tanggungan penduduk Sabah menurun kepada 46.2 berbanding 47.4 pada tahun 2020. Nisbah tanggungan umur tua menunjukkan trend meningkat daripada 8.3 pada 2020 kepada 8.4 pada 2021 manakala nisbah tanggungan umur muda menurun kepada 37.8 pada tahun 2021 berbanding 39.1 pada tahun 2020.

Jadual 3.3 Nisbah tanggungan, Sabah, 2020-2021

Nisbah tanggungan	2020	2021
Umur muda	39.1	37.8
Umur tua	8.3	8.4
Jumlah	47.4	46.2

Kumpulan etnik warganegara


Pada tahun 2021, peratusan Bumiputera mencatatkan peningkatan kepada 88.8 peratus (2021: 88.7%). Peratusan Cina pula menunjukkan penurunan kepada 9.4 peratus (2020: 9.5%) manakala etnik lain menunjukkan peningkatan kepada 1.6 peratus berbanding 1.5 peratus pada tahun 2020 dan India kekal kepada 0.2 peratus.

Jadual 3.4 Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, Sabah, 2020-2021

Kumpulan etnik warganegara Sabah (%)	2020	2021
Bumiputera	88.7	88.8
Cina	9.5	9.4
India	0.2	0.2
Etnik lain	1.5	1.6

Penduduk mengikut daerah pentadbiran

Kota Kinabalu merupakan daerah yang mempunyai bilangan penduduk tertinggi pada tahun 2020 berbanding 26 daerah pentadbiran yang lain diikuti daerah Sandakan (439.0 ribu) dan Tawau (372.6 ribu). Daerah Kota Kinabalu mencatatkan bilangan penduduk tertinggi bagi lelaki dan perempuan pada 2020 iaitu masing-masing 256.7 ribu dan 243.7 ribu.

Carta 3.1 Penduduk mengikut daerah pentadbiran, Sabah, 2020**500.4 ribu**

Kota Kinabalu
mencatatkan
bilangan penduduk
tertinggi,
2020

Jadual 3.5 Penduduk mengikut jantina dan daerah pentadbiran, Sabah, 2020 ('000)

Daerah Pentadbiran	Bilangan penduduk ('000)		
	2020		
			Jumlah
Kota Kinabalu	256.7	243.7	500.4
Sandakan	226.0	213.0	439.1
Tawau	194.3	178.3	372.6
Lahad Datu	121.8	107.3	229.1
Semporna	85.4	81.2	166.6
Penampang	85.8	76.4	162.2
Keningau	78.0	73.0	150.9
Papar	78.8	71.9	150.7
Kinabatangan	79.6	63.5	143.1
Tuaran	68.9	66.8	135.7
Kota Belud	53.9	53.3	107.2
Kudat	43.9	42.5	86.4
Ranau	44.0	41.1	85.1
Beluran	41.7	35.5	77.1
Beaufort	38.8	37.0	75.7
Kota Marudu	35.7	33.8	69.5
Kunak	37.2	31.7	68.9
Putatan	35.6	33.2	68.8
Tenom	26.4	25.0	51.3
Kalabakan	26.5	21.7	48.2
Tongod	23.1	19.6	42.7
Sipitang	19.7	18.2	37.8
Pitas	18.9	17.7	36.7
Tambunan	16.1	15.5	31.6
Telupid	16.0	13.2	29.2
Nabawan	15.1	13.3	28.3
Kuala Penyu	11.9	11.8	23.7

23.7 ribu

Kuala Penyu
mencatatkan
bilangan penduduk
terendah,
2020

Nota:


1. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.
2. Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran.

KELAHIRAN

Kadar kelahiran kasar

Pada tahun 2020, kadar kelahiran kasar di Sabah menurun berbanding 2019 iaitu daripada 13.5 kepada 12.7 bagi setiap 1,000 penduduk. Kadar kelahiran kasar bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2020 menunjukkan penurunan berbanding 2019 iaitu masing-masing daripada 13.5 kepada 12.7 dan 12.6 bagi setiap 1,000 penduduk.

Carta 3.2 Kadar kelahiran kasar, Sabah, 2011-2020



Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik

Bumiputera mencatatkan kadar kelahiran kasar tertinggi iaitu 17.4 pada 2020 sementara Cina mencatatkan kadar terendah iaitu 4.7 bagi setiap 1,000 penduduk. Penurunan kadar kelahiran kasar tertinggi juga dicatatkan oleh Bumiputera iaitu daripada 18.6 pada 2019 kepada 17.4 pada 2020 bagi setiap 1,000 penduduk.

Jadual 3.6 Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, Sabah, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)

Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bumiputera	20.6	19.6	19.5	19.3	18.6	17.4
Cina	6.7	6.2	5.9	5.2	5.2	4.7
India	8.1	8.2	8.7	6.4	6.0	5.6
Etnik lain ¹	6.1	5.0	5.1	5.5	6.2	5.5

¹Termasuk bukan warganegara

12.7
Kadar kelahiran kasar bagi setiap 1,000 penduduk, 2020



17.4
Bumiputera
Kadar kelahiran kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2020

Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran

Pada tahun 2020, daerah Kota Kinabalu mencatatkan bilangan kelahiran tertinggi iaitu sebanyak 6,699 bayi manakala yang terendah dicatatkan oleh Kuala Penyu iaitu 361 bayi. Kadar kelahiran kasar tertinggi pula dicatatkan oleh Kota Marudu dengan 21.0 manakala yang terendah dicatatkan oleh Kinabatangan ialah 3.7 bagi setiap 1,000 penduduk.

Jadual 3.7

Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran, Sabah, 2020 (setiap 1,000 penduduk)



Daerah	Bilangan Kelahiran Hidup	Kadar Kelahiran Kasar	Daerah	Bilangan Kelahiran Hidup	Kadar Kelahiran Kasar
Kota Kinabalu	6,699	12.0	Beaufort	1,319	16.0
Sandakan	4,973	10.1	Beluran	1,369	10.6
Tawau	4,973	10.0	Kunak	975	12.6
Lahad Datu	3,303	13.1	Pitas	923	20.4
Semporna	3,133	18.7	Tenom	990	14.6
Keningau	2,818	13.1	Nabawan	656	16.6
Tuaran	2,443	19.3	Tambunan	738	17.1
Papar	2,325	14.2	Kinabatangan	691	3.7
Penampang	1,842	12.3	Sipitang	633	14.2
Kota Belud	1,954	17.7	Putatan	515	7.3
Kudat	1,763	17.6	Kuala Penyu	361	14.9
Ranau	1,755	15.5	Tongod	364	8.4
Kota Marudu	1,695	21.0			

6,699 bayi

Kota Kinabalu mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi, 2020



21.0


Kota Marudu mencatatkan kadar kelahiran kasar tertinggi, 2020

KESUBURAN

Kadar kesuburan jumlah

Pada tahun 2020, kadar kesuburan jumlah bagi Sabah menurun daripada 1.4 kepada 1.3 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun. Carta 3.3 menunjukkan Sabah mencatatkan kadar kesuburan jumlah berada di bawah paras penggantian iaitu purata 2.1 bayi bagi setiap wanita dalam lingkungan umur reproduktif (15-49 tahun) bagi tahun 2011 hingga 2020.

Carta 3.3 Kadar kesuburan jumlah, Sabah, 2011-2020



Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik

Pada tahun 2020, kadar kesuburan jumlah bagi semua kumpulan etnik mencatatkan penurunan kecuali etnik lain mencatatkan kadar kesuburan yang sama iaitu 0.5. Bumiputera mencatatkan kadar kesuburan jumlah tertinggi pada tahun 2020 iaitu 2.0 manakala Cina dan etnik lain mencatatkan kadar terendah iaitu 0.5 bagi setiap wanita berumur 15-49.

Jadual 3.8 Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Sabah, 2015-2020 (setiap wanita berumur 15-49 tahun)

Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bumiputera	2.4	2.3	2.3	2.2	2.1	2.0
Cina	0.8	0.7	0.7	0.6	0.6	0.5
India	1.1	1.1	1.1	0.9	0.8	0.7
Etnik lain ¹	0.5	0.4	0.4	0.5	0.5	0.5

¹Termasuk bukan warganegara

1.3 bayi

Kadar kesuburan jumlah bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, 2020



2.0 bayi

Bumiputera
Kadar kesuburan tertinggi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, 2020

KEMATIAN

Bilangan dan kadar kematian

Sejumlah 14,629 kematian direkodkan di Sabah pada tahun 2020 meningkat 0.9 peratus berbanding kematian pada tahun 2019. Kadar kematian kasar di negeri ini pada tahun 2020 adalah 3.8 kematian bagi setiap 1,000 penduduk (2019: 3.7 kematian).

Carta 3.4 Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Sabah, 2010-2020 (setiap 1,000 penduduk)



3.8
kematian

Bagi tempoh 2010-2020, kadar kematian kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk adalah pada tahun 2020

Jumlah Kematian

Lelaki
8,680 (59.3%)

Perempuan
5,949 (40.7%)


Jadual 3.9 Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Sabah, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)

Kematian	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah kematian penduduk	12,511	12,834	13,719	13,940	14,493	14,629
Kadar kematian kasar (Lelaki)	3.8	3.8	3.9	4.0	4.1	4.3
Kadar kematian kasar (Perempuan)	2.9	2.9	3.1	3.1	3.2	3.2

Kematian bayi

Kadar kematian bayi pada 2020 adalah 8.5 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup, meningkat 1.9 mata berbanding 6.6 kematian bagi 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2019.

Carta 3.5 Kadar kematian bayi, Sabah, 2010-2020



8.5
kematian

Kadar kematian bayi bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2020

14.8**kematian**

Nisbah mortaliti ibu bersalin terendah, bagi setiap 100,000 kelahiran hidup dalam tempoh 2010-2020


**7.4****kematian**

Cina
Kadar kematian tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2020

Nisbah mortaliti ibu bersalin

Nisbah mortaliti ibu bersalin pada tahun 2020 meningkat kepada 36.6 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup berbanding 26.6 kematian bagi tahun 2019.

Carta 3.6 Nisbah mortaliti ibu bersalin, Sabah, 2010-2020



Kadar kematian mengikut kumpulan etnik

Kadar kematian kasar Bumiputera kekal pada 4.8 kematian. Cina meningkat 0.1 mata kepada 7.4 kematian manakala bagi India menurun kepada 2.9 kematian (2019: 3.8 kematian). Etnik lain turut menurun 0.1 mata kepada 0.8 kematian bagi setiap 1,000 penduduk.

Jadual 3.10 Kadar kematian kasar mengikut etnik, Sabah, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)


Etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bumiputera	4.0	4.4	4.6	4.7	4.8	4.8
Cina	5.7	6.2	6.4	7.0	7.3	7.4
India	5.2	3.6	3.7	3.5	3.8	2.9
Etnik lain ¹	1.7	0.8	0.9	0.8	0.9	0.8

¹Termasuk bukan warganegara

Sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, 2020

Pada tahun 2020, radang paru-paru merupakan sebab kematian yang mencatatkan peratusan tertinggi bagi sebab kematian yang disahkan secara perubatan iaitu 740 kematian (9.8%) yang melibatkan 10.3 peratus bagi lelaki dan 8.8 peratus bagi perempuan. Ini diikuti oleh penyakit serebrovaskular dan penyakit hipertensi iaitu masing-masing 7.6 peratus dan 6.5 peratus.

Paparan 3.1 Tiga sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, Sabah, 2020




Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang disahkan secara perubatan.

Sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, 2020

Tiga sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan yang tertinggi bagi tahun 2020 adalah sakit tua (65 tahun dan lebih) iaitu 1,376 kematian (19.5%) yang melibatkan 17.3 peratus bagi lelaki dan 22.6 peratus bagi perempuan. Ini diikuti oleh penyakit serebrovaskular dan darah tinggi dengan masing-masing 1.8 peratus dan 1.3 peratus.

Paparan 3.2 Tiga sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, Sabah, 2020



Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan.

Bilangan dan kadar kematian mengikut daerah pentadbiran

Pada tahun 2020, daerah Kota Kinabalu mencatatkan bilangan kematian tertinggi sebanyak 1,879 kematian manakala daerah Tongod mencatatkan bilangan kematian terendah iaitu 118 kematian. Namun begitu, kadar kematian tertinggi direkodkan di Kuala Penyu iaitu 8.1 kematian bagi setiap 1,000 penduduk manakala kadar terendah dicatatkan di Kinabatangan pada kadar 0.9 kematian bagi setiap 1,000 penduduk.

Radang paru-paru

Sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan mencatatkan peratusan tertinggi pada 2020



Sakit tua

Sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan yang tertinggi, 2020

8.1

Kuala Penyu
mencatatkan kadar
kematian tertinggi,
2020



72.4 tahun

Bayi lelaki
jangkaan hayat
ketika lahir,
2021

Jadual 3.11 Bilangan dan kadar kematian mengikut daerah pentadbiran, Sabah, 2020

Daerah	Bilangan kematian	Kadar kematian	Daerah	Bilangan kematian	Kadar kematian
Kota Kinabalu	1,879	3.4	Tenom	304	4.5
Sandakan	1,709	3.5	Beluran	352	2.7
Tawau	1,408	2.8	Putatan	298	4.2
Papar	790	4.8	Pitas	323	7.1
Tuaran	837	6.6	Kunak	187	2.4
Kota Belud	793	7.2	Tambunan	246	5.7
Keningau	688	3.2	Sipitang	204	4.6
Semporna	675	4.0	Kuala Penyu	196	8.1
Beaufort	549	6.7	Kinabatangan	166	0.9
Lahad Datu	659	2.6	Tongod	118	2.7
Ranau	577	5.1	Nabawan	123	3.1
Kudat	527	5.2			
Penampang	516	3.5			
Kota Marudu	505	6.3			


JANGKAAN HAYAT

Jangkaan hayat ketika lahir

Seorang bayi perempuan yang lahir pada tahun 2021 di Sabah dijangka hidup lebih lama sehingga 76.7 tahun berbanding dengan seorang bayi lelaki yang dijangka hidup sehingga 72.4 tahun.

Bagi tempoh 2017 sehingga 2021, jangkaan hayat ketika lahir bagi bayi lelaki menurun 0.2 tahun daripada 72.6 tahun (2017) kepada 72.4 tahun (2021) manakala bayi perempuan meningkat 0.3 tahun berbanding 76.4 tahun bagi tempoh yang sama.

Paparan 3.3 Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Sabah¹, 2017-2021



^p Permulaan

^e Anggaran


¹ Termasuk W.P. Labuan

Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010

Jangkaan hayat pada umur 15 tahun

Lelaki dan perempuan yang mencapai umur 15 tahun pada 2021 dijangka hidup selama 58.4 tahun dan 62.7 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki pada umur 15 tahun dijangka hidup sehingga umur 73.4 tahun dan perempuan dijangka hidup sehingga 77.7 tahun.

Paparan 3.4 Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, Sabah¹, 2017-2021



62.7 tahun

Perempuan
Jangkaan hayat
pada umur
15 tahun,
2021




Jangkaan hayat pada umur 65 tahun

Lelaki dan perempuan yang berumur 65 tahun masing-masing dijangka hidup selama 14.1 tahun dan 16.8 tahun lagi. Ini bermakna, seorang lelaki yang berumur 65 tahun dijangka hidup sehingga umur 79.1 tahun dan perempuan sehingga 81.8 tahun.

Jangkaan hayat pada umur 65 tahun meningkat setiap tahun di antara tempoh 2017 hingga 2021 bagi kedua-dua jantina, lelaki dan perempuan.

Paparan 3.5 Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, Sabah¹, 2017-2021



14.1 tahun

Lelaki
Jangkaan hayat
pada umur
65 tahun,
2021

TENAGA BURUH

Tenaga Buruh

Tenaga buruh di Sabah menurun 0.5 peratus pada tahun 2021 berbanding pada tahun sebelumnya (2020: 0.3%). Sejumlah 2,022.0 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2021 berbanding 2,032.6 ribu orang pada tahun 2020. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja menurun kepada 1,856.5 ribu orang pada tahun 2021 berbanding 1,869.7 ribu orang pada tahun 2020.

Carta 3.7 Tenaga buruh dan penduduk bekerja, Sabah, 2010-2021



2,022.0 ribu

Tenaga
buruh di
Sabah, 2021

1,856.5 ribu

Bilangan
penduduk
bekerja,
2021

25.5%

Pekerja asas
catat
peratusan tertinggi,
2021

Penduduk bekerja

Kategori pekerja asas mendominasi penduduk bekerja di Sabah dengan peratus sumbangan sebanyak 25.5 peratus pada tahun 2021. Ini diikuti oleh kategori perkhidmatan & jualan dan kategori pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan dengan peratusan sumbangan 23.3 peratus dan 10.7 peratus. Sementara itu, kategori pekerja mahir yang merangkumi kategori pengurus, profesional dan juruteknik & profesional bersekutu meliputi 17.7 peratus daripada keseluruhan pekerja di Sabah.

Jadual 3.12 Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Sabah, 2016-2021

Kategori pekerjaan	Bilangan ('000)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pengurus	55.3	55.6	59.5	56.7	68.7	44.4
Profesional	114.1	120.6	119.1	122.5	135.4	170.4
Juruteknik & profesional bersekutu	93.3	85.5	88.6	95.4	113.3	113.9
Pekerja sokongan perkeranian	109.2	118	115.2	115.5	117	142.8
Pekerja perkhidmatan & jualan	393.9	384.6	421.6	449.3	506.6	431.8
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	221.9	216.9	228.9	234.4	205.2	198.4
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	197	174.8	185.6	187.3	168.1	139.2
Operator mesin & loji dan pemasang	153.9	160.8	152.3	176.1	152.2	142.8
Pekerja asas	485.1	479.6	454.7	471.4	403.1	472.8
Jumlah	1,823.7	1,796.3	1,825.5	1,908.6	1,869.7	1,856.5

Kategori pekerjaan	Komposisi (%)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pengurus	3.0	3.1	3.3	3.0	3.7	2.4
Profesional	6.3	6.7	6.5	6.4	7.2	9.2
Juruteknik & profesional bersekutu	5.1	4.8	4.9	5.0	6.1	6.1
Pekerja sokongan perkeranian	6.0	6.6	6.3	6.1	6.3	7.7
Pekerja perkhidmatan & jualan	21.6	21.4	23.1	23.5	27.1	23.3
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	12.2	12.1	12.5	12.3	11.0	10.7
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	10.8	9.7	10.2	9.8	9.0	7.5
Operator mesin & loji dan pemasang	8.4	9.0	8.3	9.2	8.1	7.7
Pekerja asas	26.6	26.7	24.9	24.7	21.6	25.5
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

1,018.8 ribu
Pekerja tertumpu
pada sektor
Perkhidmatan,
2021



9.2 ribu
Sektor
Perlombongan &
pengkuarian
Bilangan pekerja
terendah, 2021

Seramai 1,018.8 ribu orang pekerja (54.9%) tertumpu di sektor Perkhidmatan pada tahun 2021 dan diikuti sektor Pertanian yang meliputi 481.6 ribu orang (25.9%), Pembuatan (232.6 ribu; 12.5%), Pembinaan (114.4 ribu; 6.2%), manakala sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan bilangan pekerja paling rendah iaitu 9.2 ribu orang (0.5%).

70.4%
Kadar penyertaan
tenaga buruh di
Sabah, 2021



8.2%
Kadar
pengangguran di
Sabah, 2021

Jadual 3.13 Penduduk bekerja mengikut sektor, Sabah, 2016-2021

Sektor	Bilangan ('000)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pertanian	581.6	570.4	504.4	495.8	472.1	481.6
Perlombongan dan pengkuarian	7.5	16.8	7.8	8.1	5.8	9.2
Pembuatan	177.3	157.5	161.6	187.0	203.9	232.6
Pembinaan	130.5	138.8	151.2	165.7	118.7	114.4
Perkhidmatan	926.7	913.0	1,000.3	1,051.7	1,069.2	1,018.8
Jumlah	1,823.7	1,796.3	1,825.5	1,908.6	1,869.7	1,856.5

Sektor	Komposisi (%)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pertanian	31.9	31.8	27.6	26.0	25.3	25.9
Perlombongan dan pengkuarian	0.4	0.9	0.4	0.4	0.3	0.5
Pembuatan	9.7	8.8	8.9	9.8	10.9	12.5
Pembinaan	7.2	7.7	8.3	8.7	6.3	6.2
Perkhidmatan	50.8	50.8	54.8	55.1	57.2	54.9
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) di Sabah meningkat 0.4 mata peratus kepada 70.4 peratus pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya (2020: 70.0%). Sementara itu, kadar pengangguran di Sabah meningkat 0.2 mata peratus kepada 8.2 peratus pada tahun 2021 (2020 8.0%).

Carta 3.8 KPTB dan kadar pengangguran, Sabah, 2010-2021



STATISTIK SISWAZAH

STATISTIK SISWAZAH MALAYSIA


Statistik utama siswazah

Pada 2021, bilangan siswazah di Malaysia meningkat sebanyak 4.7 peratus mencatatkan 5.61 juta orang berbanding tahun 2020 dengan 5.36 juta orang seperti pada Carta 3.9.

Bilangan siswazah dalam tenaga buruh yang merangkumi siswazah bekerja dan menganggur, naik 4.6 peratus kepada 4.77 juta orang (2020: 4.56 juta orang). Sementara itu, kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) kekal seperti tahun sebelumnya iaitu pada 85.0 peratus.

Manakala bagi siswazah bekerja, meningkat sebanyak 5.0 peratus berbanding tahun 2020 mencatatkan 4.57 juta orang (2020: 4.35 juta orang). Sebaliknya, kadar pengangguran siswazah berkurang kepada 4.1 peratus berbanding 4.4 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Carta 3.9 Statistik utama siswazah, Malaysia, 2020-2021



5.6 juta

Bilangan siswazah
Malaysia,
2021

85.0%

Kadar penyertaan
tenaga buruh
siswazah
Malaysia,
2021

77.4%


Siswazah bekerja
berada dalam
sektor
Perkhidmatan,
2021

**RM4,582**

**Purata gaji &
upah bulanan
siswazah di
Malaysia, 2021**

Dari perspektif aktiviti ekonomi, siswazah bekerja dalam sektor Perkhidmatan meliputi sumbangan sebanyak 77.4 peratus (3.54 juta orang). Sebanyak 13.7 peratus lagi (627.8 ribu orang) daripada siswazah bekerja adalah di dalam sektor Pembuatan, diikuti 6.0 peratus dalam sektor Pembinaan (275.3 ribu orang). Pada masa yang sama, sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 2.1 peratus (95.5 ribu orang) dan 0.8 peratus (35.5 ribu orang) (Paparan 3.6).

Paparan 3.6 Siswazah bekerja mengikut jenis aktiviti ekonomi, Malaysia, 2021 ('000)



Statistik gaji dan upah siswazah, Malaysia

Dari perspektif gaji & upah bulanan yang diterima oleh siswazah, purata dan penengah gaji & upah pada tahun 2021 masing-masing adalah sebanyak RM3,911 dan RM4,582. Penengah gaji & upah bulanan merekodkan peningkatan 2.5 peratus pada 2021 berbanding tahun sebelumnya iaitu pada RM3,815. Manakala purata gaji naik 2.1 peratus daripada RM4,489.

Peningkatan purata dan penengah gaji & upah yang diterima oleh siswazah seiring dengan peningkatan umur yang mana boleh juga dikaitkan dengan pengalaman dan jawatan dalam pekerjaan. Siswazah yang berumur 45 tahun dan ke atas menerima penengah dan purata gaji & upah tertinggi iaitu masing-masing sebanyak RM6,433 dan RM7,017. Selain itu, siswazah berumur 24 tahun dan ke bawah menerima penengah dan purata gaji & upah yang paling rendah, masing-masing sebanyak RM1,590 dan RM1,984. (Paparan 3.7).

Paparan 3.7 Statistik gaji & upah siswazah mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2020-2021




Perbandingan mengikut jantina menunjukkan siswazah lelaki menerima gaji & upah bulanan lebih tinggi berbanding siswazah perempuan. Penengah gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM4,034 manakala perempuan menerima RM3,680. Demikian juga purata gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM4,973 berbanding RM4,215 sebulan diterima oleh siswazah perempuan. (Paparan 3.8).

Paparan 3.8 Statistik gaji & upah siswazah mengikut jantina, Malaysia, 2020-2021



Berbanding penengah gaji & upah bulanan pada 2020, semua sektor menunjukkan pertumbuhan positif. Siswazah dalam sektor Perkhidmatan mengalami pertumbuhan tertinggi sebanyak 2.3 peratus kepada RM4,128 (2020: RM4,037), diikuti sektor Pembuatan yang meningkat 1.4 peratus kepada RM3,072 (2020: RM3,029). Penengah gaji & upah bulanan siswazah di sektor Pertanian meningkat 1.3 peratus kepada RM2,404 (2020: RM2,374) manakala sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan 0.9 peratus kepada RM3,284 (2020: RM3,254). Meskipun mencatatkan gaji & upah tertinggi, sektor Perlombongan & pengkuarian merekodkan peningkatan marginal sebanyak 0.2 peratus kepada RM5,586 (2020: RM5,576). Begitu juga, purata gaji & upah bulanan diterima oleh siswazah di semua sektor ekonomi juga meningkat pada tahap yang berbeza mengikut industri berbanding tahun sebelumnya (Paparan 3.9).

Paparan 3.9 Statistik gaji & upah siswazah mengikut aktiviti ekonomi, Malaysia, 2020-2021



RM4,034

Penengah gaji & upah bulanan siswazah lelaki di Malaysia, 2021



RM7,247


Sektor Perlombongan dan pengkuarian purata gaji dan upah tertinggi, 2021

STATISTIK SISWAZAH SABAH

Statistik utama siswazah

Pada tahun 2021, bilangan siswazah di Sabah adalah seramai 391.1 ribu orang, meningkat 2.2 peratus daripada 382.6 ribu orang pada tahun 2020. Dari jumlah tersebut, tenaga buruh siswazah adalah 342.0 ribu orang, meningkat 1.3 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 337.5 ribu orang). Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) adalah 87.4 peratus, turun 0.8 mata peratus berbanding 88.2 peratus pada tahun 2020 seperti Carta 3.10.

Carta 3.10 Statistik utama siswazah, Sabah, 2020-2021



Seramai 313.1 ribu orang siswazah bekerja di Sabah pada tahun 2021 dengan kadar pertumbuhan tahunan 2.5 peratus (2020: 305.6 ribu orang). Sementara itu, penganggur siswazah 28.8 ribu orang (2020: 31.9 ribu orang). Kadar pengangguran siswazah di Sabah pada tahun 2021 ialah 8.4 peratus (2020: 9.5%).

Siswazah luar tenaga buruh pula merangkumi 12.6 peratus daripada jumlah siswazah di Sabah iaitu seramai 49.2 ribu orang pada tahun 2021, meningkat 9.1 peratus daripada 45.1 ribu orang pada tahun sebelumnya.

Perbandingan mengikut jantina di Sabah menunjukkan komposisi siswazah di Sabah didominasi oleh perempuan dengan sumbangan 53.9 peratus (210.7 ribu orang) manakala siswazah lelaki merangkumi 46.1 peratus (180.4 ribu orang) pada tahun 2021. Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah lelaki adalah 84.7 peratus manakala siswazah perempuan adalah 89.7 peratus. Sementara itu, kadar pengangguran siswazah lelaki lebih rendah iaitu 6.2 peratus berbanding perempuan 10.3 peratus (Carta 3.11).

391.1 ribu

Bilangan
siswazah
Sabah, 2021




342.0 ribu

Bilangan tenaga
buruh siswazah
yang bekerja,
2021

Dari segi bilangan tenaga buruh siswazah mengikut jantina, seramai 189.1 ribu siswazah perempuan direkodkan pada tahun 2021, meningkat 7.8 peratus daripada tahun sebelumnya. Sementara itu, tenaga buruh siswazah lelaki mencatatkan penurunan 5.7 peratus kepada 152.8 ribu orang.

Siswazah bekerja lelaki di Sabah adalah seramai 143.4 ribu orang, lebih rendah berbanding siswazah bekerja perempuan (169.7 ribu orang). Sebaliknya, komposisi penganggur siswazah mendapati penganggur lelaki merangkumi hanya 6.2 peratus dari keseluruhan penganggur atau 9.4 ribu orang, lebih rendah berbanding penganggur siswazah perempuan iaitu seramai 19.4 ribu orang. Melihat kepada siswazah luar tenaga buruh pula, didapati bilangan siswazah perempuan luar tenaga buruh menurun 32.2 peratus kepada 21.6 ribu orang manakala siswazah lelaki turut merekodkan peningkatan 108.5 peratus kepada 27.6 ribu orang.

Carta 3.11 Statistik utama siswazah mengikut jantina, Sabah, 2021



Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Sabah, 2021

Secara keseluruhannya, purata gaji & upah bulanan siswazah di Sabah pada tahun 2021 adalah RM24 lebih tinggi dari tahun 2020 iaitu RM3,924. Sementara itu, penengah gaji & upah bulanan siswazah pula adalah RM3,635 pada tahun 2021 meningkat dari RM3,620 pada tahun sebelumnya (Jadual 3.14).

Jadual 3.14 Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Sabah, 2020-2021

Gaji & upah	Jumlah	
	2020 ^e	2021 ^p
Purata gaji (RM)	3,900	3,924
Penengah gaji (RM)	3,620	3,635

7.8%

Peningkatan
tenaga buruh
perempuan,
2021



RM3,924

Purata gaji &
upah siswazah
di Sabah,
2021

MIGRASI

MIGRASI MALAYSIA

Penduduk berumur 1 tahun dan lebih yang berhijrah pada 2020 menurun sebanyak 40.0 ribu orang kepada 484.1 ribu orang berbanding 524.1 ribu orang pada 2018. Kadar migrasi menyusut 0.1 mata peratus iaitu 1.5 peratus pada 2020 berbanding 1.6 peratus pada 2018. Migrasi dalam negeri pada 2020 merekodkan penurunan 2.4 mata peratus berbanding 60.8 peratus pada 2018.

Sebaliknya, migrasi antara negeri menunjukkan peningkatan 2.7 mata peratus kepada 31.2 peratus pada 2020 daripada 28.5 peratus pada 2018. Manakala, migrasi antarabangsa dari luar negara ke Malaysia adalah 10.4 peratus, menyusut 0.3 mata peratus berbanding 10.7 peratus pada 2018.

Carta 3.12 Penduduk berumur 1 tahun dan lebih mengikut status migrasi, Malaysia, 2018 dan 2020



484.1 ribu
Bilangan migrasi
Malaysia, 2020



1.5%
Kadar migrasi
Malaysia, 2020

MIGRASI SABAH

Kadar migrasi Sabah

